

No. Kelas: 24 G6

No Perolehan: T0274

Tarikh: 12/74

Dusun Felda Lasah, Sungai Siput, Perak. Dalam kerjaya saya

terlibat. Dengan kerjasama dan nasihat saya dapat melaksanakan

kajian ilmiah ini didalam bentuk berstulis. Berguru dengan orang yang

baik saya ucapkan kepada Dr. A. Nahar Radin, guru besar dan

nasihatnya dan diharap halini sahaja berjaya. Untuk kerjasama dan

**PENGGUNAAN TANAH DUSUN FELDA LASAH,**

selaku. Kepada Cik Zainah Paku, Pegawai Pendaftaran tanah Dusun yang

telah memberikan saya **SUNGAI SIPUT (UTARA), PERAK.** Bersempena

umpan dengan ucapan yang sama. Kepada Encik Mohamed Ismail,

Satiausaha Felda saya ucapkan banyak terima kasih atas bantuan dan

kerjasamanya. Bentuan-bantuan yang telah diberi oleh pegawai Felda

Lasah, Encik Abd. Karim Kadiz dan kakitangan dilibatnya tidak akan

dilupakan. Seterusnya begitu juga **oleh** peserta rancangan Lasah yangtelah memberi kerjasama dalam **No. Matrik 19512** utir yang diperlukan dan

diharap mereka akan berjaya didalam menempuh hidup. Jika tidak dengan

kerja sama mereka-mereka diatas tidak mungkin kajian ini berjaya.

Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur,  
1974/75.

Matrik No: 19512

sebagai;  
 Memenuhi syarat untuk mendapat ijazah B.A.  
 didalam Jabatan Antropologi & Sosiologi,  
 Universiti Malaya 1974/75

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
PERPUSTAKAAN

Didalam menyiapkan kajian berkenaan dengan penggunaan tanah Dusun Felda Lasah, Sungai Siput, Utara, Perak ini beberapa orang telah terlibat. Dengan kerjasama dari mereka lah saya dapat menyempurnakan kajian ilmiah ini didalam bentuk bertulis. Berbanyak-banyak terima kaseh saya ucapan kepada Dr. A. Kahar Bador, kerana bantuan dan nasehatnya dan diharap beliau sentiasa berada didalam kandongan sehat selalu. Kepada Cik Zurina Hakimie, Pegawai Perhubungan Awam Felda yang telah membenarkan saya untuk membuat kajian ditempat tersebut saya ucapan dengan ucapan yang sama. Kepada Encik Mohamed Iqbal Pakeer, Setiausaha Felda saya ucapan banyak terima kaseh atas pertolongan dan kerjasamanya. Bantuan-bantuan yang telah diberi oleh pengurus Felda Lasah, Encik Abd. Karim Kadir dan kakitangan dibawahnya tidak akan dilupakan. Seterusnya begitu juga kepada peserta rancangan Lasah yang telah memberi kerjasama dalam memberi butir-butir yang diperlukan dan diharap mereka akan berjaya didalam menempuh hidup. Jika tidak dengan kerja sama mereka-mereka diatas tidak mungkin kajian ini berjaya.

Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur,  
1974/75.

Matrik No: 19512

61 Bentang dari kawasan dan sumber-sumber  
62 Geologi

ISI KANDONGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDONGAN	iii
DAFTAR JADUAL	v
DAFTAR RAJAH	v
DAFTAR LAMPIRAN	iv
BAB I PENDAHULUAN	1
A a) Bidang lingkup kajian dan tujuan . . . . .	1
b) Kesulitan dalam membuat kajian . . . . .	3
c) Method kajian . . . . .	5
B <u>Latar Belakang</u>	
a) Latar belakang kawasan . . . . .	6
b) Latar belakang peserta-peserta . . . . .	12
c) Pekerjaan sambilan disamping pekerjaan utama	19
d) Pendapatan dan tabongan . . . . .	21
e) Milek harta . . . . .	26
C Dasar dan objektif Felda terhadap Tanah Dusun ..	26
BAB II	
A <u>Cara mendapatkan tanah</u>	
a) Memohon dari pejabat Felda Lasah . . . . .	32
b) Mendapat tanah melalui peneroka . . . . .	34
c) Mendapat tanah melalui pengurus . . . . .	35
B <u>Usaha-usaha diatas tanah dusun</u>	
a) Jenis-jenis tanaman . . . . .	37
b) Faktor-faktor yang menggalakkan . . . . .	39
c) Faktor-faktor yang menghalang . . . . .	44
BAB III MODAL DAN PEMASARAN	
A Modal . . . . .	47
a) Modal sendiri . . . . .	47

Halaman

b)	Bantuan dari kawan-kawan dan saudara-mara.	48
c)	Berkongsi	49
B PEMASARAN		
a)	Penjualan sekali gus . . . . .	52
b)	Penjualan sedikit-sedikit atau berperingkat-peringkat. . . . .	53
c)	Penjualan sebelum penghasilan . . . . .	53
BAB IV SUMBANGAN USAHA INI KEATAS KEHIDUPAN PENEROKA		56
BAB V PENUTUP		64
LAMPIRAN		68
i)	Sistem Pemilihan Peserta . . . . .	68
ii)	Peta Negeri Perak Menunjukkan Rancangan Kemajuan Tanah Lasah . . . . .	73
iii)	Peta Rancangan Menunjukkan Tanah Dusun . . . . .	74
BIBLIOGRAFI . . . . .		71
11.	Jadual III-II. Jadual Waktu Sumbangan Untuk Tanah	51
12.	Jadual III-III. Cara Penjadualan	56
13.	Jadual III-IV. Penjadualan Sumbangan	59
14.	Jadual IV-I. Tempoh Untuk Penyelesaian tidi cara besar	57
15.	Jadual IV-II. Jadual Waktu dimulakan kerana 3 atau lebih orang dalam suatu rumah	58
16.	Jadual IV-III. Perca Pada Setiap Jangka Masa	59
17.	Jadual IV-IV. Perchelitan Perangkap setiap 1/3 bulan selama masa 6 bulan dari Bulan Januari hingga Jun 1976.	61
Deklarasi		
1.	Ketulusan Penstadbir Di Kondangan	11

## DAFTAR-DAFTAR JADUAL

## Halaman

1. Jadual I - I	Keluasan Tanah Rancangan	7
2. Jadual I - II	Pegawai-pegawai Tadbir Felda Lasah 1974	10
3. Jadual I - III	Banci penduduk Rencangan Kemajuan Tanah Lasah 1973	13
4. Jadual I - IV	Tempat asal Peneroka-peneroka	14
5. Jadual I - V	Pendapatan Peneroka Semasa dikampung	16
6. Jadual I - VI	Umur Peneroka yang terlibat dalam Tanah Lasah.	17
7. Jadual I - VIII	Pendapatan Peneroka dari Toresan Getah	23
8. Jadual II-I	Jenis Tanaman	37
9. Jadual II-II	Keluasan Tanah Dusun yang digunakan oleh Peneroka	38
10. Jadual III-I	Modal/Punca Modal	50
11. Jadual III-II	Jumlah Wang Pendahuluan Untuk Modal	51
12. Jadual III-III	Cara Penjualan	54
13. Jadual III-IV	Pendahuluan Sebelum Penghasilan	55
14. Jadual IV-I	Input dan Output Penanaman ubi cara kasar	57
15. Jadual IV-II	Jumlah Masa dicurahkan keatas 3 ekar tanah dusun dalam masa 1 tahun.	58
16. Jadual IV-III	Punca Perbelanjaan Membesarkan Rumah	60
17. Jadual IV-IV	Pembelian Motosikal sebanyak 25 buah dalam masa 6 bulan dari Bulan Januari hingga Jun 1974.	61

Daftar Rajah

1. Kedudukan Pentadbir Di Rancangan	11
-------------------------------------	----

Bidang kajian yang dilakukan adalah:-

(2) Perubahan-perubahan yang telah diwartakan selama berada

dalam peringkat sosial dan ekonomi mereka.

## BAB I

Kedua-dua aspek ini diambil bersama-sama kerana tidak

dapat dipisahkan. - Yeo Hong Poh "Pempe-

### PENDAHULUAN

Kajian ini satu 'case study' dilakukan dalam masa cuti panjang 1973/74 iaitu dari Bulan April hingga bulan Mei 1974 dikawasan penempatan semula rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan, Lasah Sungai Siput Utara, perhatian adalah kepada faktor sosial dan ekonomi. Rancangan ini telah dibuka pada tahun 1965 dan hingga kehari ini telah banyak perubahan-perubahan yang dialami oleh penduduk-penduduk yang menyertai rancangan ini. Oleh kerana rancangan ini merupakan tindakan kerajaan meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk luar bandar yang miskin. Dengan menyertai rancangan ini mereka telah mencapai beberapa perubahan-perubahan dan perubahan-perubahan ini membawa kepada inisiatif, untuk mengisi masa lapang disamping pekerjaan utama dengan membuat kerja-kerja lain untuk menambah pendapatan mereka. Jadi adalah elok ditinjau kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh mereka.

#### Bidang Kajian dan Tujuan

Kajian adalah ditumpukan kepada kerja-kerja sambilan yang dilakukan oleh peserta-peserta dirancangan Kemajuan Tanah Persekutuan, (Felda), Lasah, Sungai Siput, Perak<sup>1</sup>. Rancangan ini merupakan 100 bush rancangan penempatan semula yang dikelolakan oleh pihak Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda)<sup>2</sup>.

<sup>1</sup>Perbincangan seterusnya akan disebut rancangan sahaja.

<sup>2</sup>Felda, Lapuran Tahunan 1971, Vol. Universiti Selangor 1977 m.s.31.

Bidang kajian yang dijalankan adalah:-

- i) Perubahan-perubahan yang telah diterima selama berada di tanah rancangan samada dari segi sosial dan ekonomi. Kedua-dua aspek ini diperincangkan bersama kerana tidak dapat dipisahkan. Seperti kata Yeo Beng Poh "tanpa pembangunan ekonomi tidak ada pembangunan sosial. Tanpa pembangunan sosial pembangunan ekonomi tidak boleh berlaku. Kedua-duanya saling berkait antara satu sama lain<sup>3</sup>. Jadi disini untuk meninjau perkembangan sosial terpaksalah dilihat bersama-sama perkembangan ekonomi juga.
- ii) Melihat kemudahan-kemudahan yang telah disediakan samada digunakan dengan baik serta memberi kesan kepada perhubungan mereka atau pun sebaleknya. Juga melihat galakan yang diberi oleh pihak rancangan dan melihat adakah galakan yang dianjarkan itu diterima sepenuhnya.
- iii) Meninjau kerja-kerja sambilan yang dilakukan oleh peneroka diwaktu masa lapang dan juga disentuh faktor-faktor yang menggalakkan kepada usaha-usaha itu.

Tujuan melihat perubahan sosial dan ekonomi yang dialami oleh peneroka-peneroka rancangan adalah untuk melihat corak hidup mereka, adakah taraf kehidupan bertambah baik atau sebaleknya daripada keadaan asal semasa dikampung. Jadi disini terpaksa melihat kemudahan-kemudahan yang didapati serta juga nilai-nilai kewangan dan simpanan yang telah ditabongkan dan juga melihat pemilekan harta. Dari sini akan didapati gambaran keadaan ekonomi dan taraf hidup peserta-peserta.

---

<sup>3</sup>Yeo Beng Poh (ed) Proceeding on Malaysian Socio Economic Question, K.L. Univ. of Malaya 1967 m.s. 31.

Juga dengan melihat kemudahan-kemudahan dan segala apa yang dianjorkan oleh pihak berkuasa rancangan kepada peneroka untuk membaiki kehidupan mereka. Dapat dilihat sambutan mereka kepada apa yang dianjorkan itu dan dengan melihat kerja-kerja sambilan dapatlah dilihat sejauh manakah peneroka-peneroka menggunakan peluang yang terdapat dihadapannya. Tujuan melihat kerja sambilan ini juga adalah untuk melihat jumlah pendapatan yang didapati darinya dan sejauh manakah sumbangannya kepada kehidupan peneroka. Adakah ianya memberi kepuasan yang tinggi kepada peneroka ataupun sebaliknya sehingga mendorongkan peneroka untuk meneruskan lagi usaha-usaha itu atau pun berhenti setakat itu sahaja.

#### Kesulitan dalam membuat kajian

Didalam usaha untuk menyiapkan sesuatu kajian si pengkaji selalu menghadapi masaalah-masaalah. Didalam kajian ini masaalah-masaalah atau kesulitan-kesulitan yang timbul ialah:

- 1) Kesukaran untuk mendapatkan data-data dan maklumat-maklumat dari respondan-respondan. Ini kerana didapati kepayahan untuk bertemu dengan mereka (peneroka-peneroka) kerana urusan pekerjaan mereka. Diwaktu pagi mereka bekerja (menoreh) diladang dari pukul 6.00 pagi hingga pukul 12.00 tengah hari atau 3.00 petang. Diwaktu petang selepas berhat mereka menjalankan projek-projek tambahan - menanam ubi, membersihkan pisang dan ladang-ladang mereka untuk menambahkan pendapatan mereka. Malam hari mereka tidur cepat kerana keletihan, tambahan pula tiada hiburan yang dapat dituntuni. Keadaan keliling yang gelap dan sunyi ini menyebabkan mereka lebh senang tidur daripada berjaga - bertandang kerumah orang. Oleh kerana kajian ini menumpukan kepada kerja sambilan maka waktu-waktu

peneroka tidak menores pun susah untuk berjumla mereka dirumah . Ini disebabkan pada masa ini mereka pergi kedusun mereka untuk membersehkan dusun, menanam dan sebagainya. Jadi dalam kajian ini pengkaji terpaksa menemui peneroka-peneroka di dusun-dusun mereka untuk mendapatkan data atau maklumat.

- ii) Ada respondan-repondan yang memberikan maklumat yang tidak benar dan menyeleweng data-data dan masaalah yang ditemucarakan dengan mereka. Kerap kali mereka bercakap berdasarkan sentimen tanpa dapat dibuktikan.
- iii) Oleh kerana keseluruhan peserta rancangan ini tidak mempunyai pelajaran tinggi, mereka tidak mudah faham soalan-soalan yang dikemukakan kepada mereka. Tambahan pula 'urbanization influenced' adalah rendah jadi pemikiran mereka adalah tidak meluas. Pengkaji terpaksa menerangkan masaalah yang dikemukakan berulang-ulang kali. Kadang-kadang ganguan timbul dimasa dijalankan interview ganguan anak-anak respondan kadang-kadang yang tidak berkenaan akan singgah dan mencampori dalam temuduga itu. Dalam soal bahasa (lohat) timbul kekeliruan kerana peserta-peserta rancangan tersebut datang dari tempat-tempat yang berlainan dan mempunyai lohat yang berbeda. Masaalah ini dapat diatasi dengan bertanya semula perkataan yang agak mengelirukan itu.
- iv) Pejabat dirancangan sangat kurang keterangan-keterangan yang diperlukan. Pengkaji telah berusaha mendapatkan maklumat dengan pergi sendiri ke ibu Pejabat Felda Bahagian Utara di Ipoh. Sementelah pula kajian yang di-

jalankan ini adalah tidak mempunyai lapuran itu rekod bertulis dipejabat.

### Method Kajian

Keperluan data-data dan maklumat didalam penyelidikan ini didapati dengan menggunakan beberapa method. Cara-cara tersebut ialah:-

- i) Celurhan pemerhatian-pengkaji tinggal dikawasan yang di-kaji dan memerhati segala aspek kehidupan mereka terutama aspek yang bersangkutan dengan kerja-kerja sambilan. Selama lebih kurang satu bulan pengkaji telah mendapat banyak pengalaman dan dapat memahami kehidupan mereka dengan lebih mendalam. Pengkaji juga telah melawat kawasan-kawasan tanah dusun yang dikerjakan oleh peneroka-peneroka.
- ii) Cara Questionaire - sebelum menceburkan diri didalam kawasan kajian pengkaji telah menyediakan Questionaire yang perlu dijawab oleh responden untuk mendapatkan maklumat dan data-data tertentu. Semua jawapan yang diberi oleh responden dicatat sendiri oleh pengkaji tanpa bantuan orang lain.
- iii) Temuduga - Pengkaji juga menjalankan temuduga untuk mendapatkan penjelasan yang lebih lanjut mengenai masaalah-masaalah tertentu. Temuduga dijalankan keatas pegawai-pegawai yang bertugas untuk melihat masaalah-masaalah peneroka. Ini kerana pegawai-pegawai sudah lama bertugas dan mengetahui sikap peneroka terhadap pekerjaan dan sebagainya. Juga keatas mereka-mereka yang tidak dapat ditemui untuk menjawab soalan-soalan untuk questionnaire. Perbualan-perbualan juga penting untuk mendapatkan

matalamat kajian. Biasanya dilakukan dirumah peserta waktu petang, dikedai kopi dan dipejabat.

#### Latar Belakang

Didalam memperbincangkan latar belakang tanah rancangan akan dibahagikan kepada dua aspek.

- i) Latar belakang geography Tanah Rancangan itu dan
- ii) Latar belakang peserta-peserta rancangan

Kepentingannya latar belakang ini adalah sebagai satu perbandingan dan juga ianya adalah mempunyai pengaroh terhadap sikap dan geraklaku peserta-peserta didalam penempatan semula ini. Misalnya bagi mereka-mereka itu yang dari gulungan yang sudah pada masa dikampung, kerja-kerja yang sudah dirancangan adalah tidak menjadi masalah yang berat lagi kerana ianya adalah menjadi kebiasaan kepada mereka sebelum memasuki rancangan lagi. Tetapi bagi kaum nelayan misalnya pekerjaan yang dilakukan untuk masa rancangan adalah berbeda dengan kerja-kerja laut yang mereka lakukan. Adalah menjadi kesukaran kepada mereka bagi permulaannya tetapi setelah diperbiasakan keadaan itu menjadi perkara biasa pula.

#### Latar belakang Tanah Rancangan

- i) Latar belakang kawasan.

Rancangan ini pembukaannya telah bermula pada tahun 1961 dengan kerja-kerja menebas dan menebang serta pembersihan kawasan hutan tebal.

Luas kawasan itu dianggarkan ialah  $7,800^4$  ekar lebih meliputi kawasan-kawasan berikut dimuka sebelah.

Sebelum pembukaan, kawasan ini merupakan kawasan perhutanan yang luas dan menjadi kawasan sumber kayu balak. Tanpa didiami oleh

**JADUAL I-I****KELUASAN TANAH RANCANGAN**

Kawasan	Keluasan (Ekar)
Kawasan getah	3,560
Kawasan Dusun	920 <sup>5</sup>
Kawasan Perkampungan	350
Kawasan Rezeb	3,020
	7,800

Sumber: Pejabat Felda Lasah

manusia kecuali pembalak-pembalak. Kerja-kerja pembersehan telah selesai dijalankan dalam tahun 1964<sup>6</sup>. Peserta-peserta rancangan peringkat pertama telah mulai berpindah dan menempuh penghidupan baru dalam pertengahan tahun 1965. Mereka telah disediakan dengan kawasan rumah seluas  $\frac{1}{4}$  ekar dan sebuah rumah yang berharga kira-kira \$2,000 tiap-tiap satu.

Felda Lasah terletak kira-kira 27 batu dari bandar Ipoh dan ianya mempunyai sebuah pekan kecil, Sungai Siput yang jauhnya 11 batu. Pekan Sungai Siput ini menjadi tumpuan peserta-peserta rancangan untuk mendapatkan keperluan yang tidak terdapat di tempat tinggal mereka seperti kain baju dan barang-barang keperluan lain.

Perjalanan ke rancangan ini adalah melalui jalan raya. Perkhidmatan bas dan taxi keluar masuk rancangan adalah terdapat dengan mudah. Tambang masuk ke rancangan dari Sungai Siput adalah 60 sen sahaja.

<sup>5</sup>Tanah dusun ini belum diberikan kepada peserta kerana masaalah Pentadbiran dan kewangan.

<sup>6</sup>Keterangan dari Penolong Penguzur\*

Disepanjang jalan raya memasuki rancangan, merupakan kawasan perkampungan Melayu dan aktibiti hariannya merupakan aktibiti-aktibiti penduduk di rancangan.

Seperti mana rancangan Felda lain, rancangan di Lasah ini juga dijalankan berperingkat-peringkat. Pemeringkatan ini dijalankan untuk memudahkan perlaksanaan projek tersebut kerana adalah menjadi kesukaran untuk melaksanakan projek yang sebeginu luas dalam masa yang serentah. Tambahan pula peluang-peluang pekerjaan terbuka kepada peneroka-peneroka peringkat pertama apabila peringkat kedua dan ketiga dibuka. Penanaman anak-anak getah dijalankan oleh peserta-peserta rancangan peringkat I yang mana mereka telah mula sampai terlebeh dahulu. Kadang-kadang pekerjaan ini dilakukan sehingga pukul 10.00 malam dengan menggunakan lampu<sup>7</sup>. Perkara ini terjadi kerana ganguan-ganguan seperti kekurangan peserta kerana sakit atau kerosakan pengangkutan sedangkan mereka terpaksa menanam anak-anak getah yang tertentu bilangannya dalam sehari. Rancangan Felda Lasah ini adalah berbukit-bukit dan ini menimbulkan masalah pengangkutan. Untuk menggunakan basikal adalah payah. Peserta-peserta peringkat II dan III agak beruntung kerana mereka tidak menempuh pekerjaan yang berat ini - kedatangan mereka adalah setelah anak getah mereka tinggi menghijau. Walaupun mereka tidak berpanas dan bersusah payah tetapi lot-lot mereka adalah lebuh jauh daripada peserta-peserta peringkat I. Hari ini peserta-peserta telah pun menikmati hasil daripada usaha payah mereka kerana penorehan telah dimulakan tiga tahun kebelakangan. Mereka bertanggung-jawab menjaga dan membersehkan kawasan tanah (lot) yang mereka kerjakan. Walaupun secara annya lot itu kepunyaan mereka,

---

<sup>7</sup>Keterangan dari peserta-peserta peringkat pertama.

tapi praktiknya mereka tidak punyai kuasa keatas tanah tersebut selagi hutang lebih \$15,000/- dapat diselesaikan terlebih dahulu kepada pihak Felda.

Dari segi penempatan, peserta-peserta diasing-asingkan mengikut peringkat masing-masing. Tujuannya untuk memindahkan pentadbiran dan lawatan-lawatan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai akan lebih mudah. Kedatangan mereka yang berperingkat juga menyebabkan keadaan ini berlaku. Keseragaman akan dapat dilihat diantara kelompok-kelompok penempatan ini kerana kedatangan yang berbeda akan menimbulkan alam keliling yang berbeda juga - tumbuhan dan pokok-pokok bunga yang berlainan tingkat pertumbuhannya. Kedudukan rumah yang teratur dan bersistem itu kelihatan seragam dan menarik. Perletakannya sesuai, dikawasan atas anak bukit yang dapat mengelakken banjir jika berlakunya banjir apabila hujan lebat. Keadaan pertempatan ini mempunyai persamaan dengan perkampongan orang-orang Melayu kecuali keseragaman rumah dan susunan yang terator. Di-sekeliling rumah ditanam dengan pokok buah-buahan, limau, rambutan, nangka, dan kelapa - yang diberi oleh pihak Lembaga. Dihadapan rumah dihiasi dengan tanaman bunga-bungaan dengan keadaan yang elok. Jadi boleh dikatakan penempatan disini bercorak perkampongan Melayu yang lebih terator.

#### Kakitangan Pentadbir

Rancangan Kemajuan Tanah Lasah yang mempunyai sebuah pejabat diatas bukit berhampiran dengan kedai Syarikat, Mesjid dan Klinik. Pegawai-pegawai pentadbirnya seramai 20 orang yang punyai tugas yang berlainan. Mereka dilatih oleh pihak Lembaga untuk tujuan perkhidmatan yang lebih cekap. Peperiksaan sering diadakan untuk memperbaiki urusan dan juga pekerjaan mereka. Hanya seorang pegawai sahaja yang bukan anak negeri Perak, jadi dengan itu kemesraan diantara pegawai dengan

peserta dapat dijalin dengan baik kerana anak tempatan.

JADUAL I-II RANCANGAN

PEGAWAI-PEGAWAI TADBIR FELDA LASAH 1974


Bil. Jenis Pekerjaan

1.	Pengurus	Pengurus	1
2.	Penolong Pengurus		1
3.	Kerani		2
4.	Pegawai Pembantu Luar		9
5.	Pen. Pembangunan Peneroka		1 (Wanita)
6.	Budak Pejabat		1
7.	Surveyor		1
8.	Mandur		2
9.	Driver		2
	Jumlah		20

Pengurus mempunyai tanggongjawab yang berat atas kemajuan dan perlaksanaan pentadbiran didalam kawasan rancangan. Ianya mengawasi pegawai-pegawai pentadbir yang lain supaya menjalankan pekerjaan dengan sepertinya. Beliau berhak untuk menyingkirkkan peserta-peserta rancangan jika ianya melanggar peraturan-peraturan atau terjadi kes-kes tertentu. Pegawai Pembantu Luar seramai 9 orang dibahagikan kepada 3 kumpulan. Tiap-tiap satu kumpulan akan mengawasi dan menasihati peserta-peserta bagi satu peringkat. Pekerjaan mereka kebanyakannya tertumpu kepada kerja-kerja luar ladang - mereka menjaga perkara-perkara seperti, kebersehan ladang, membaja, kebersehan toresan, menjaga dalam timbang menimbang susu getah dan juga menasehati perkara-perkara yang bersangkutan dengannya.

RAJAH I-I

KEDUDUKAN PENTADBIRAN DIRANCANGAN



Bangunan-kemudahan

Pehak Lembaga telah mendirikan bangunan-bangunan yang penting untuk kegunaan bersama. Bangunan-bangunan tersebut berkeadaan teratur. Kawasan perumahan ditetapkan dibeberapa bahagian yang terasing sedikit dari bangunan-bangunan untuk kepentingan bersama. Bangunan pejabat,

kedai lembaga, balai polis, klinik dan masjid didirikan diatas bukit berhampiran jalan raya. Rancangan pengelompokan ini dapat memudahkan pekerjaan diantara pegawai-pegawai yang bertugas. Peserta-peserta juga dapat kemudahan bersama kerana selepas mendapat wang mingguan mereka dapat membelanjakan dikedai Syarikat yang berhampiran. Ini dapat mengelakkan sedikit daripada perbelanjaan yang tidak perlu, mereka juga tidak pergi ketempat yang jauh untuk membeli barang-barang keperluan hari.

Didalam persekolahan anak-anak peserta tidak lagi bimbang kerana sebuah sekolah menengah kebangsaan telah didirikan. Pada masa ini<sup>8</sup> sekolah tersebut menampung kira-kira 160 pelajar didalam tingkatan satu dan dua. Disamping itu terdapat seramai lebih 600 murid-murid di dalam sekolah rendah dirancangan tersebut. Keadaan ini dapat mengurangkan beban para peserta rancangan kerana sebelum itu (1972) mereka terpaksa menghantar anak-anak ke Sungai Siput untuk persekolahan menengah mereka.

Sebuah dewan orang ramai tersedia untuk kegunaan seperti perjumpaan atau mesyuarat. Disebelah paginya dewan digunakan untuk kelas didekan kanak-kanak kelolaan seorang beliawanis dengan kerjasama dari gerakan Persatuan Wanita<sup>9</sup> dan juga Pejabat Felda. Dewan ini juga digunakan untuk perkumpulan perempuan mempelajari soal-soal urusan rumah tangga. Sebuah masjid disediakan. Selain dari itu sebuah klinik dan pondok Polis diadakan juga.

#### Latar belakang Peserta-peserta

##### 1. Cara pemilihan

Peserta-peserta sebelum memasuki rancangan telah

<sup>8</sup>Pada tahun 1973.

<sup>9</sup>Keterangan dari Naib Pengurus Gabongan Pergerakan Wanita.

terlebih dahulu ditemuduga dan diantara yang terpilih itu adalah mereka yang terdapat didalam rancangan tersebut. Pada masa ini terdapat 337 keluarga yang menetap menjadi peneroka tanah rancangan tersebut. Orang-orang Melayu merupakan bilangan terbesar didalam rancangan dan cuma 3.8% sahaja terdiri dari bangsa asing. Penerimaan peserta bergantung kepada beberapa faktor.

- i) Permohonan untuk menjadi peserta ditapis berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang terdapat dalam borang permohonan.
- ii) Markah akan diberikan mengikut kelayakan mereka berpandukan kepada:-

- a) Umur pemohon
- b) Bilangan keluarga
- c) Kebolehan aktiviti-aktiviti
- d) Milek tanah dan
- e) Kelulusan pelajaran

Jumlah penduduk rancangan Felda Lasah dianggarkan 3,080 orang termasuk peserta pegawai dan keluarga mereka. Lihat Jadual I-III.

**JADUAL I-III**  
**BANCI PENDUDUK RANCANGAN KEMAJUAN**  
**TANAH LASAH 1973**

Melayu L	Cina		India		Lain-lain		Jumlah P		
	P	L	P	L	P	L	P	L	P
325	327	6	6	6	6	-	-	676	
Kanak-kanak, pegawai-pegawai dan lain-lain								2,404	
Jumlah								3,080	

Sumber : Dari papan kenyataan Pejabat.

Peserta-peserta telah pun mula menores di lot masing-masing. Tanggungjawab menjaga dan membersehkan lot-lot terletak ditangan mereka

sendiri dengan bantuan dari pegawai-pegawai yang bertugas. Pekerjaan mereka dibantu samada oleh anak-anak atau isteri mereka. Ramai anak-anak yang sudah berhenti sekolah (tidak mampu atau pun tidak lulus) menjadi buruh lembaga dengan kerja-kerja seperti meracun lalang, mencuci teres, menebang dahan yang tidak sesuai untuk mengelakkan tumbang ditiup angin. Selain daripada kerja-kerja menoreh peneroka mempunyai kerja-kerja lain dan ini akan menjadi perbincangan selanjutnya.

## 2. Tempat dan pekerjaan asal mereka

Keselurohan peserta adalah anak negeri Perak hanya sebilangan kecil sahaja yang berasal dari negeri lain. Mereka juga sudah lama tinggal dalam negeri Perak seperti Kedah dan Selangor. Seperti dalam rajah I-IV peserta-peserta ramai yang berasal dari Sungai Siput sendiri. Ini kerana mereka tinggal berhampiran dengan tanah rancangan bersama dengan saudara dan adik. JADUAL I-IV

TEMPAT ASAL PENEROKA-PENEROKA

	Daerah & Kawasan	Bil.
Sungai Siput	23	
Kuala Kangsar	11	
Sitiawan	9	
Parit	15	
Slim River	3	
Lain	9	
Jumlah	70	

dan mobilitinya adalah lebih tinggi kerana perbelanjaan yang sedikit. Tidak sukar pula bagi mereka untuk menziarah keluarga mereka apabila ada masa lapang. Keistimewaan diberi kepada mereka kerana projek ini

berhampiran dengan tempat tinggal mereka dan juga untuk keperluan politik kerajaan. Tambahan pula ditempat lain seperti di utara Perak tidak mempunyai rancangan sendiri seperti Felda Ijok Taiping dan Felda Bersia di Grik. Didaerah Tanjung Malim dan Slim River didapati kurang peserta-peserta yang memasuki rancangan Lasah kerana terdapatnya rancangan Gedangsa dan Trolak. Jadi dengan itu tidaklah menjadi tidak adil bagi rancangan Lasah mengambil bilangan yang ramai dari kawasan yang berhampiran.

Peserta yang mengikuti projek kemajuan tanah adalah mereka-mereka yang telah mempunyai pengalaman. Pengalaman utama yang menjadi syarat masuk kerancangan ialah didalam soal pertanian. Separoh daripada peserta dirancangan telah pun mempunyai pengalaman yang luas mengenai pertanaman getah kerana mereka terdiri dari penoreh-penoreh getah juga sebelumnya ini membawa kepada kesan baik kerana mereka dapat mengerjakan tahanan dengan mudah dan baik. Kaum Nelayan juga telah diberi peluang yang luas juga dibandingkan dengan golongan pekerja-pekerja yang lain. Kemungkinan peluang yang luas ini kerana pengalaman mereka yang terek itu dapat menghindarkan dari terjadi pelarian dari tanah rancangan. Bekas Angkatan Bersenjata juga mendapat peluang yang baik kerana dasar kerajaan untuk memberi pekerjaan kepada mereka yang telah tamat menjalankan perkhidmatan. Keutamaan mereka dapat dilihat dari syarat yang dilonggarkan kepada mereka dari segi umur seperti dalam lampiran - Sistem Pemilihan Peserta - mereka yang kurang daripada 18 tahun dan lebih dari pada 35 tahun ditolak. Bagi bekas perajurit umur dihadkan diantara 18 hingga 40 tahun. Ini adalah perkara yang wajar kerana memandangkan perkhidmatan mereka kepada bangsa dan negara. Selain daripada itu peserta-peserta terdiri dari kaum buruh, peniaga kecil-kecilan dan juga panganggor yang berasal dari luar bandar. Kesusahan sentiasa menyelubungi hati mereka kerana pendapatan yang kecil dan tidak tetap dengan kerja-

kerja tersebut (lihat Jadual I-VI). Jadi kesukaran yang dihadapi di rancangan ditempoh dengan tabah hati. Keadaan ini telah menyelamatkan mereka dari meninggalkan rancangan. Walau pun pada awal rancangan dahulu mereka ada yang berasa hendak mlarikan diri.

JADUAL I-V

PENDAPATAN PENEROKA SEMASA DIKAMPONG

Pendapatan(\$)	Bil.	%
Kurang dari 50	10	14.3
51 - 70	12	17.3
71 - 90	24	34.3
91 - 110	7	10.0
111 - 130	11	15.7
131 - 150	2	2.8
151 dan lebih	4	5.6
 Jumlah	70	100.0

Purata ( $\bar{x}$ ) = \$89.61

3. Umur

Umur perlu diketahui didalam bidang penyelidikan ini kerana kepentingan dari segi-segi

- i) tenaga kerja - bagi orang yang masih muda lebih bertenaga dan cergas didalam bidang pekerjaan dan sosial dan
- ii) Sikap-sikap ingin maju terletak pada mereka yang masih muda. Tambahan pula dengan tenaga yang ada pada mereka kerja-kerja yang diusahakan akan lebih berjaya. Ini kerana mereka lebuh mempunyai 'chances' untuk berusaha dan menikmati hasil

usaha mereka dibanding dengan golongan kaum kaum tua. 46% daripada peneroka rancangan ada-

JADUAL I-VI

UMUR PENEROKA YANG TERLIBAT DALAM  
TANAH DUSUN

(%)

Umur (Tahun)	Bil.	%
Kurang daripada 21	0	0
21 hingga 30	8	11.4
31 hingga 40	32	46.0
41 hingga 50	20	28.4
51 hingga 60	8	11.4
Lebih daripada 60	2	2.8
	70	100.0

Iah terdiri dari lingkungan umur 31 hingga 40 tahun. Didalam lingkungan ini mereka masih mempunyai daya usaha yang kuat mempengarohi kejayaan kegiatan mereka dalam pekerjaan. Adalah lebih baik bagi pihak Lembaga memilih mereka yang masih muda, dan mempunyai kurang tanggongannya untuk mengelakkan dari kesusahan tanggongan kepada mereka. Mereka ini akan lebih aktif dan cergas dibanding dengan golongan pihak tua. Didalam rancangan tanah Lasah ini tiada peserta-peserta yang berumur kebawah daripada 21 tahun. Ini kerana bagi golongan belia mereka mempunyai projek tanaman kelapa sawit anjuran Kerajaan Negeri tidak jauh dari rancangan ini

juga yang diberi nama Rancangan Belia Khas, Perlop. Hanya 2 orang sahaja daripada responden-reponden yang melebihi umur 60 tahun. Hal seperti ini tidaklah membimbangkan. Walaupun ia selalu sakit tetapi anak atau isterinya akan menggantikan kerja hariannya.

#### 4. Pelajaran

Taraf pelajaran para peserta juga perlu diketahui kerana ada dasar tingkat pelajaran yang didapati oleh peserta-peserta dapat dianalisa sikap dan daya fikiran mereka untuk menghadapi perubahan dan selanjutnya berusaha untuk membaiki kehidupan mereka dirancangan, seperti kata Lerner

"Kenal huruf (literacy) merupakan satu peringkat dalam proses modernisasi dan menjadi satu alat bagi masyarakat tradisional untuk berubah menjadi orang-orang moden"<sup>10</sup>

Oleh kerana kesemua responden-respónden mempunyai asas pelajaran sanada sekolah rendah Melayu, Tamil dan Cina, jadi dapatlah mereka membaca akhbar-akhbar dikedai-kedai. Mereka jarang-jarang membeli surat khabar kecuali bila mereka keluar ke bandar. Dapatlah juga mereka mengikuti berita-berita penting yang terjadi melalui akhbar dan radio. Hanya penduduk yang sudah tua dan punyai pelajaran yang rendah sahaja yang punyai sikap tidak ambil pusing tentang dunia luar. Masaalah ekonomi pula mereka tidak dapat mengerjakan lain-lain pekerjaan selain dari menores getah untuk menambah punca pendapatan. Jadi bagi orang tua tidak ada harapan bagi mereka untuk menambahkan pendapatan, sedangkan

---

<sup>10</sup> Lerner - The Passing of Traditional Society (Glencoe, Illinois, The Free Press, 1958) Lal.60-63.

banyak kerja-kerja yang lebih penting dan boleh dibuat waktu petang atau waktu-waktu lain dimana mereka tidak menores kerana hujan waktu pagi. Bagi mereka yang muda dan yang masih kuat berusaha, kerja-kerja sambilan seperti berladang ada dilakukan untuk mendapatkan pendapatan yang lebih. Lebih dari 20% penduduk rancangan ini mempunyai pekerjaan sampingan.

### Pekerjaan sambilan

#### i) Perniagaan

Selain dari pekerjaan utama ramai peserta yang menjalankan kegiatan-kegiatan lain untuk menambah pendapatan. Kegiatan yang agak lebih menguntungkan ialah dalam lapangan perniagaan. Terdapat sebanyak 11 buah kedai persendirian atau perkongsian dikeseluroh peringkat rancangan. Penyertaan didalam bidang ini adalah secara kecil-kecilan dan sambilan. Jenis-jenis perniagaan seperti berikut:-

Kedai runcit	7 buah
Kedai kopi	1 buah
Kedai makanan	2 buah
Membaiki motor/basikal	1 bush

Diantara jumlah kedai runcit hanya 2 sahaja yang menjual sebahagian besar keperluan penduduk rancangan. Keadaan sedemikian menarik perhatian ramai pelanggan. Dikedua-dua kedai ini peserta dibenarkan mengambil barang secara hutang. Jika tidak dibenarkan pengambilan secara hutang sudah tentu kemajuannya akan terganggu kerana penduduk-penduduk disini mendapat wang seminggu sekali. Kedai ini diselenggarakan oleh anak peserta sendiri - oleh itu tanggongjawab sebagai peserta tidak juga diabaikan. Kemajuannya juga disebabkan kedai-kedai tersebut dibuka dari pukul 7 pagi hingga 9 malam. Jadi ramai pelanggan yang datang diwaktu malam untuk membeli keperluan terpaksa bertanggah kesitu. Sedangkan

kedai syarikat dibuka dari pukul 8 pagi hingga 6 petang sahaja. Kedai yang lain pula cuma merupakan kerja sambilan sahaja dan cuma bermodal kurang daripada \$600. Kedudokannya bertaboran diserata rancangan dan hanya dapat memenuhi barang keperluan yang penting sahaja seperti gula, tepung, susu, kopi, rokok dan keperluan harian. Kedai-kedai ini tidak mempunyai peraturan tertentu dan dibuka mengikut kehendak tuan punya kedai tersebut. Walaupun begitu ianya dapat menambahkan pendapatan harian mereka.

Sebuah kedai membaiki basikal dan motor yang dibuka oleh pemuda-pemuda rancangan yang mendapat latehan dari MARA menjadi tumpuan peserta. Terjadinya penumpuan ini kerana

i) Hanya sebuah kedai sahaja yang terdapat dirancangan

sedangkan hampir-hampir kesemua penduduk mempunyai basikal atau motosikal.

ii) Keadaan perjalanan yang tidak baik, berbukit-bukit dan ini menyebabkan selalu rosak.

iii) Perladangan

Selain daripada perniagaan ada terdapat usaha-usaha tertentu. Penanaman ubi kayu, pisang dan jagong dijalankan oleh peserta dikawasan tanah lapang dan juga ditanah rezeb. Pekerjaan atau projek ini tidak cara besar-besaran kecuali beberapa orang sahaja. Pengemburan tanah dilakukan dengan menggunakan trektur Lembaga dengan hanya bayaran upah kepada pemandu-pemandunya. Bayaran tidak tetap mengikut kemampuan peserta. Penanaman bencuh samada ubi atau anak pisang dilakukan secara upah atau punit dikerjakan oleh peserta dengan bantuan dari anggota keluarga. Pengawasan tidak cuma dimasa bencuh-bencuh tersebut itu sudah tumbuh malah jika ada bencuh yang tidak tumbuh akan digantikan dengan bencuh yang baru.

Walaupun penjagaan dilakukan seperti menjaga kebersihan ladang daripada lalang dan rumput-rumput tetapi tidak mendapat baja. Dimusim panas pekerjaan mencabut ubi dilakukan dengan cara upah. Perladangan ini akan dibincangkan lebih dalam lagi dibab-bab yang berikutnya.

### iii. Lain-lain usaha

Ada juga kerja-kerja lain yang diusahakan oleh peserta rancangan untuk menambahkan pendapatan keluarga. Pekerjaan memandu teksi sangat menguntungkan. Teksi mendapat sambutan kerana bayaran yang dikenakan tidak berbeda dengan bayaran bas. Tambahan pula ianya lebih cepat perjalannya serta memudahkan peserta untuk membawa barang-barang samada keluar atau masuk rancangan. Hitungan panjang pendapatan dari perkhidmatan teksi ini ialah \$170 sebulan. Ada 2 peserta yang menjadi pemandu bas yang memberi perkhidmatan dirancangan. Ini adalah menjadi dasar kepada syarikat untuk mengambil pekerja daripada orang-orang dirancangan kerana mereka telah menjadi ahli dengan meleborkan 15,000/-.

Selain dari itu kerja-kerja sambilan termasuklah kerja burch

diwaktu tidak bekerja dimusim hujan ataupun dimusim daun getah luruh. 3 orang daripada peserta rancangan menjadi tukang rumah dan menjalankan kegiatan ini jika ada orang yang memerlukan. 3 orang juga dari peserta berkhidmat untuk menjaga pejabat dan harta benda rancangan dan juga setor getah yang terletak jauh dari kawasan penempatan. Tidak ketinggalan juga terdapat peserta-peserta yang mengajar dikelas-kelas ugama didalam dan luar rancangan. Kesempatan membuat kerja-kerja sampingan ini adalah untuk menambahkan pendapatan dan untuk memenuhi keperluan hidup masing-masing.

### Pendapatan dan tabongan

Didalam memperlihatkan kejayaan rancangan ini dari segi ekonomi

amat perlu diperbincangkan mengenai dua perkara: pendapatan dan simpanan. Kedua-dua ini adalah menentukan modal seseorang. Biawal rancangan dimana penoresen belum lagi dijalankan dan peneroka maseh didalam pengawasan mereka berpendapatan tetap bulanan sebanyak \$70.00, tetapi ianya ditambah usaha-usaha lain seperti siisteri membuat kerja-kerja atau menores di tanah kampong berhampiran. Perbedaan jelas ternyata dimana pada masa ini hitung panjang pendapatan berjumlah \$160/- sebulan dan maseh lagi meningkat. Dengan jumlah pendapatan tersebut adalah mencukopi bagi mereka yang hidup jauh dari pengaruh bandar. Terdapat 2 orang peserta yang berpendapatan lebih dari \$380 sebulan termasuk sumber-sumber lain. Sumber lain yang dimaksudkan ialah pendapatan dari sewa teksi dan juga usaha kerja sampingan. Pendapatan asas mereka juga berbeda antara peserta-peserta kerana:

- i) Jumlah pokok getah yang boleh ditores oleh peneroka berbeda - terdapat penyangtuan turun kepada pokok-pokok jenis klon yang kurang baik.
- ii) Jenis klon yang berbeda diantara lot-lot yang berlainan.
- iii) daya usaha yang berbeda - pembersihan dan jagaan yang berbeda membawa kesan kepada pendapatan, misalnya siapa yang membaja pokok dengan baik sudah tentu mendapat hasil yang lebih daripada mereka yang menjualkan baja yang didapati dari pehak lembaga dan
- iv) Perbuatan penyelewangan seperti pembekuan susu getah dan penjualan getah sekirap diluar rancangan untuk mendapat wang dengan cepat. Dengan penjualan ini mereka ditipu oleh golongan orang-orang tengah.

Dari rajah I-VII disebelah adalah mencukupi untuk sementara ini dengan pendapatan sebanyak tersebut untuk menyara keluarga yang tinggal

JADUAL I-VII

JADUAL PENDAPATAN PENEROKA DARI TORESAN GETAH

Jumlah Pendapatan

Bil.

%

Kurang daripada 100 2 2.8

101 - 140 10 14.3

141 - 180 13 18.5

181 - 220 14 20.0

221 - 260 10 14.3

261 - 300 17 24.5

301 atau lebih 4 5.6

70 100.0

Purata (Mean) = \$190.34

didalam rancangan. Lebih dari 50% peneroka berpendapatan lebih daripada \$180/- sebulan. Ini telah ditolak potongan hutang dengan berbunga. Ini tidak termasuk pendapatan benar yang lain dari usaha-usaha sambilan. Jadi kehidupan mereka adalah menyulitkan keadaan yang baik.

Bukan sahaja pendapatan mereka itu berbeda dari seorang dengan seorang yang lain bahkan juga masing-masing menerima pendapatan yang tidak setabil. Ini kerana mereka sentiasa diancam oleh turun-naiknya harga dipasaran antarabangsa. Harga getah yang tidak stabil ini membimbangkan seperti kata Encik Musa Hitam.

"Satu perkara terus menerus membimbangkan iaitu harga getah yang begitu rendah telah mengurangkan pendapatan peserta dan mengancam kemampuan mereka membayar balek pinjaman mereka"

Beberapa perkara lain yang mempengaruhi pendapatan penduduk yang bekerja sebagai penores getah ialah musim kemarau dan daun getah gugur bersama.

Ketika musim ini keadaan getah pekat dan melekat dan sangat berkurangan. Kekurangan susu getah bererti pendapatan mereka juga berkurangan kerana pendapatan mereka juga bekurangan kerana pendapatan bergantung kepada jumlah berat hasil getah yang diperolehi bukan bergantung kepada bayaran bulanan. Pendapatan yang tidak setabil ini dapat dilihat dari graf hasil tahunan pada tahun 1972.

Musin hujan memberi kesan kepada pekerjaan dan juga pendapatan. Kegelisahan sering berlaku didalam bulan Februari hingga April dimana mereka tidak dapat menjalankan pekerjaan sepenuhnya. Bererti mereka tidak mempunyai pendapatan tertentu. Keadaan ini memaksa mereka membuat kerja-kerja lain untuk mendapatkan wang misalnya bekerja sebagai burch mencarub ubi, burch kasar dan bekerja ladang.

Simpanan wang peserta bergantung kepada pendapatan bulanan mereka. Jika pendapatan tinggi simpanan yang dibuat adalah besar dan begitu juga sebaliknya jika pendapatan bulanan berkurangan. Lebih dari 43% dari peserta rancangan membuat simpanan samada dirumah atau pun di Bank Simpanan Pejabat Pos. Pejabat Pos bergerak memudahkan peserta untuk menyimpan wang. Simpanan yang dilakukan biasanya untuk jangka pendek ini kerana simpanan akan dikeluarkan apabila diperlukan.

Kepentingan simpanan kepada peserta ialah:

- i) Untuk perbelanjaan dimasa musim hujan dimana mereka tidak dapat bekerja. Ini bererti pendapatan mereka juga berkurangan dan tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan harian.
- ii) Sila terjadi perkara yang tidak diduga misalnya terpaksa balek kekampong kerana sesuatu hal yang penting.
- iii) Wang simpanan juga dibelanjakan untuk kepentingan perskolahan anak-anak - misalnya untuk membeli buku-buku

di awal tahun atau pun untuk peperiksaan.

iv) Untuk perbelanjaan membesarkan rumah membeli motosikal dan alat-alat keperluan rumah seperti kerusi meja, radio dan lain-lain.

v) Untuk digunakan sebagai modal dan usaha ladang diatas tanah dusun.

Simpanan penting bagi penduduk rancangan. Funca simpanan bukan semata-mata bergantung kepada hasil getah. Bagi peserta-peserta yang menjalankan projek sendiri seperti berladang ubi. Ini adalah sumber pendapatan dan tabongan yang baik bagi mereka. Bagi golongan ini dirancangan, wang adalah disimpan dirumah masing-masing kerana mudah mengeluarkan apabila perlu. Biasanya jumlah wang yang disimpan cara tersebut adalah kecil kerana kemudahan keluar masuk tersebut. Cuma sebilangan kecil sahaja (15%) yang mempunyai simpanan didalam Bank Simpanan Pejabat Pos. Mereka ini terdiri dari golongan yang berpengetahuan dan berpendapatan tinggi. Anak-anak peserta juga mempunyai kira-kira wang simpanan pejabat pos. Mereka menyimpan wang perbelanjaan sekolah tiap-tiap dua minggu sekali. Ini adalah hasil usaha guru-guru sekolah menengah dirancangan yang menggalakkan mereka berbuat demikian. Keadaan ini dapat dilihat apabila pejabat pos bergerak sampai dikawasan tanah rancangan.

Tabungan dan simpanan adalah perlu bagi penduduk dirancangan untuk mengatasi masaalah yang mungkin terpaksa dihadapi dihari kemudian. Mereka mengadakan simpanan yang tidak tetap. Kadang-kadang tabongan di-keluarkan untuk perkara yang tidak tetap, misalnya untuk menonton wayang atau bersuka-suka. Oleh kerana keadaan pendapatan yang diterima belum lagi pada peringkat yang menjadi matlamat (\$3.50 sebulan) tidak kurang juga peserta yang tidak membuat simpanan/tabongan. Simpanan dan tabongan ini semata-mata atas sikap mereka masing-masing dan juga bergantung

Kepada kemampuan peserta. Walau pun mereka mengetahui kepentingan tabungan dan simpanan tersebut tetapi tiada kemampuan untuk memenuhi kepentingan tersebut.

#### Milik harta

Tiap-tiap peserta yang menyertai rancangan ada mempunyai tujuan untuk memperolehi harta selain daripada untuk meninggikan taraf hidup. Mereka juga inginkan menikmati kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh kerajaan kepada orang ramai. Oleh kerana mereka ini kebanyakannya tidak mempunyai harta terutama tanah, jadi peluang yang terbuka sedemikian tidak dilepaskan begitu sahaja. Dan jika mereka mempunyai tanah sekali-pun, adalah sangat kecil dan tidak mencukupi untuk menampung kehidupan keluarga. Seperti orang-orang lain mereka ingin mempunyai tempat kediaman yang tetap. Walau pun pada masa ini mereka telah diberikan lot-lot masing-masing tetapi tanah itu maseh belum lagi kepunyaan mereka secara mutlak. Mereka terpaksa menyelesaikan hutang secara beransur-ansur sebelum mendapatkan harta yang disediakan oleh Lembaga. Secara bayangan masa hadapan mereka akan mempunyai tanah getah seluas 8 ekar dan tapak rumah tiap-tiap seorang serta dengan tanah tapak rumah dan bersekali dengan rumah. Keadaan ini menyebabkan 3 orang yang ditemui mengatakan : selama tinggal dirancangan mereka menganggap diri mereka seperti buruh kasar semata-mata menjadi kuli kepada mereka<sup>11</sup>. Ini kerana sehingga hari ini tanah yang dikerjakan itu bukan hak milik mereka tetapi hak milik lembaga. Mereka tidak punyai hak keatas pokok getah itu kecuali hak untuk menores sahaja. Setelah hutang mereka langsai, pokok getah sudah tua dan perlu diganti dengan pokok yang baru. Di musim ini mereka terpaksa meminjam semula kepada lembaga dan ini bererti mereka terikat

---

<sup>11</sup> Melalui perbuatan.

kepada pehak Lembaga semula. Dan sehingga mereka meninggal, tanah ini mungkin belum menjadi hak milik mereka. Pemikiran seperti ini telah menyebabkan penyelewengan penjualan susu getah dan getah sekerap. Mereka bertujuan untuk mengumpulkan wang tunai sebanyak \$50/- tiap-tiap bulan dan sehingga penanaman semula dijalankan, mereka akan keluar dari rancangan dan membeli tanah ditempat yang lain. Jika didalam masa 25 tahun mereka akan dapat mengumpulkan wang sebanyak \$15,000/-. Dengan itu mereka ingin membeli tanah dikampung asal mereka. Keadaan ini menggambarkan mereka tidak dapat menyesuaikan diri atau tidak dapat menerima apa yang telah mereka lakukan sepanjang masa didalam rancangan.

Pada masa ini tiap-tiap peserta telah mempunyai rumah sendiri diatas tapak seluas  $\frac{1}{4}$  ekar. Walau pun rumah itu dibina oleh lembaga tetapi mereka telah menganggap sebagai rumah sendiri. Mereka juga ramai mempunyai motosikal. Dihitungkan bagi tiap-tiap 3 buah rumah didapatkan sebuah motosikal. (Kadar 1:3) kenderaan ini digunakan untuk pergi kerja dan juga untuk pergi kebandar. Ada peserta yang membeli motosikal hanya untuk kepentingan pergi kerja kerana lot mereka jauh dari rumah - ada yang sejauh lebih dari 5 batu. Tambahan pula perjalanan menaiki bukit-bukit sudah tentu menimbulkan masalah kalau berjalan kali dan berbasikal sahaja. Ada pula yang membeli kerana memenuhi keinginan mereka. Mereka membeli kerana kawan-kawannya mempunyai motosikal tersebut. Keinginan seperti ini cuma menambahkan bilangan motosikal yang ada dan juga menambahkan beban kepada mereka. Menambah beban kerana jika ingin bergerak itu bererti wang.

Terdapat 11 buah kereta yang dipunyai oleh peneroka dan 2 buah darinya telah dijadikan kereta sewa dan ini bererti mereka mengambil sewa tanpa lesen.

## Perbelanjaan

Setelah melihat tentang pendapatan dan harta elok diperkatakan pula mengenai perbelanjaan. Dari perbincangan mengenai perbelanjaan ini dapat diperhatikan penggunaan dan keperluan yang dapat diperolehi oleh peserta rancangan. Dapat juga diperbedakan tentang kemampuan untuk memenuhi keperluan harian diantara dahulu dan sekarang. Pada masa ini dimana peringkat penghasilan telah terlaksana keadaan hidup peserta lebih sempurna dari masa sebelumnya.

Terdapat sedikit perbedaan didalam soal-soal makanan dan perbelanjaan dimasa sekarang dengan diawal rancangan. Peserta tidak lagi sangat mengharapkan barang-barang. Dimasa permulaan rancangan peserta cuma mendapat 169.60 sebulan, jadi untuk menjimatkan wang mereka terpaksa berusaha menghasilkan barang-barang yang dapat dikeluarkan sendiri. Tanam-tanaman yang didapati diawal rancangan seperti pisang, ubi keledek, sayor-sayoran dan ikan sudah kurang diusahakan. Cuma sebahagian kecil peserta yang masih meneruskan kegiatan tersebut untuk menambahkan jumlah pendapatan mereka.

Kekurangan usaha ini kerana:

i) Peserta sudah mendapat pendapatan yang lebih daripada masa sebelum penerosan dijalankan.

ii) Kawasanya tidak lagi sesuai kerana terlindong oleh pokok-pokok yang sudah besar.

iii) Kemudahan untuk mendapatkan barang lain sudah banyak - kedai-kedai runcit tersedia dan adanya kedai yang ikan dan sayor-sayoran. Dimasa ini penduduk rancangan lebih suka membeli barang-barang seperti milo, susu dan biskut yang lebih baik dibanding dengan keadaan permulaan. Kita perhatikan pula keadaan permulaan dimana peserta-peserta cuma bergantung kepada makanan asas sahaja seperti beras, gula kopi dan ikan masin serta tanaman yang dapat dihasilkan sendiri. Jadi dengan makanan

yang lebih baik, kesihatan mereka dan keluarga memuaskan. Tambahan pula terdapat kemudahan kesihatan dimana sebuah klinik didirikan untuk rawatan kepada penduduk rancangan.

Pendapatan peserta dibayar mengikut mingguan. Sudah menjadi kebiasaan sebahagian besar dari pendapatan itu diperbelanjakan harian. Seminggu sekali mereka akan membeli barang keperluan dapur apabila mendapat wang. Di awal bulan mereka akan menyenaraikan barang-barang yang akan dibeli serta jumlahnya sekali. Belian secara banyak dan dianggarkan mencukupi untuk satu bulan. Barang-barang yang diutamakan ialah seperti beras, gula, tepung, biskut dan kopi. Barang-barang runcit dibeli seminggu sekali atau pun bila diperlukan. Perbelanjaan ini adalah secara hutang dan akan dibayar dengan pendapatan pada bulan hadapannya. ~~tiap-tiap belanja adalah tidak "secapai" dan mewujudkan kepada~~

~~Perajuan~~ Selain daripada keperluan makanan, wang yang didapati diperbelanjakan dalam hal-hal yang lain misalnya perbelanjaan persekolahan anak-anak. Ini termasuk tambang perjalanan kesekolah kerana dirancangan masih belum mempunyai tingkatan tiga keatas. Tambang untuk tiap-tiap seorang pergi balek ke Sungai Siput sebanyak \$12 sebulan. Jadi keadaan ini memerlukan simpanan untuk mengelakkan kemungkinan yang akan terjadi.

#### Dasar dan objektif Felda terhadap tanah dusun

~~Dasar~~ Tanah dusun adalah tanah yang diperuntukkan oleh Felda kepada peneroka-peneroka seluas 2 ekar disamping lot yang luasnya 8 ekar yang ditanam dengan tanaman utama samada getah atau pun kelapa sawit.

~~Dasar~~ Pada mulanya Felda berpendapat bahawa disamping lot yang ditanam dengan tanaman utama, tanah dusun ini diberi dengan harapan agar ianya akan dapat ditanam dengan tanam-tanaman wang (cash crop) untuk menambah pendapatan peneroka. Felda mempunyai dasar bahawa tanah dusun ini di kerjakan oleh peneroka-peneroka sendiri dan segala perbelanjaan adalah

keatas peneroka dan semua peneroka digalakkan untuk menggunakan tanah dusun ini. Cash crop ini adalah seperti ubi kayu, padi, kacang tanah, jagong dan lain-lain.

Pada mula-mula Felda ditubuhkan dimana baru sedikit rancangan dibuka luas yang ditanam dengan tanaman utama adalah 6 ekar, seperti di Rancangan Kemajuan Tanah Lubok Merbau Kedah dan 2 ekar tanah dusun. Felda berpendapat bahawa 6 ekar itu adalah 'economic' tapi kemudian setelah penyelidikan-penyselidikan dilakukan didapati luas 6 ekar adalah tidak 'economic' dan ditambah lagi menjadikan 8 ekar disamping 2 ekar tanah dusun.

Bank dunia dalam penyelidikannya dibanyak tempat-tempat didunia telah membuat 'resolution' bahawa keluasan 8 ekar dan 2 ekar tanah dusun bagi tiap-tiap keluarga adalah tidak 'economic' dan mencadangkan kepada Kerajaan Malaysia agar ditambah lagi keluasan tanah itu. (Bank dunia adalah sumber modal yang terbesar bagi Felda, jadi ia berhak untuk menasehati Malaysia). Setelah Unit perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri membuat kajian keatas hal ini dan beberapa-beberapa penyesuaian dengan resolusi Bank dunia maka dasar dan objektif Felda dipinda dan mulai awal tahun 1969 semua lot tanaman utama yang seluas 8 ekar akan ditambah menjadi 10 ekar dan mulai dari tahun 1969 juga beransur-ansur rancangan-rancangan telah ditambah lot. Oleh kerana rancangan Felda banyak maka hingga hari ini masih banyak lagi lot-lot yang belum ditambah.

Oleh kerana tanah 'reserved' telah tidak didapati lagi berhampiran dengan rancangan Felda maka tanah dusun diambil oleh Felda untuk ditambah dengan lot utama. Tanah dusun yang dulunya diusahakan oleh peneroka-peneroka adalah diambil oleh oleh Felda untuk ditanam dengan tanaman utama, tetapi ia tidak semestinya sama dengan tanaman utama. Sebaiknya bergantung kepada muka bumi dan jenis tanah dusun itu. Walau

pun tanaman utama ialah getah tanaman ditanah dusun adalah kelapa sawit kalau muka bumi dan jenis tanah sesuai untuk kelapa sawit. Segala berbelanjaan menanam ini adalah dibiayai oleh Felda dan dikira hutang peneroka apabila dusun ini diserahkan kepada peneroka apabila dusun ini diserahkan kepada peneroka bila berumur 2 atau 3 tahun bila tanaman itu penjagaannya tidak rumit lagi.

Felda berpendapat dengan pengambilan tanah dusun ini dan diusahakan oleh peneroka-peneroka adalah lebih economic. Tanah dusun Felda Lasah adalah maseh belum diambil alih oleh Felda dan dijangkakan akan dilaksanakan pada tahun 1975 dan sekarang ini tanah dusun ini maseh diusahakan oleh peneroka-peneroka sendiri.

Penggunaan tanah dusun dirancangan-rancangan Felda oleh orang-orang luar selain daripada peneroka-peneroka adalah dianggap 'illegal' atau pun haram. Ini adalah keterangan yang diberi oleh Setiausaha Felda, Ibu Pejabat Felda dan ia hanya dapat memberi keterangan mengenai dasar dan objektif hanya setakat ini kerana ianya adalah 'confidential' dan tidak boleh diberi kepada orang luar melainkan kakitangan Felda.

Kesemua yang ditulis dibawah tajuk dasar dan Objektif Felda Terhadap Tanah Dusun adalah dari keterangan Setiausaha Felda, Ibu Pejabat Felda, Kuala Lumpur Encik Mohamed bin Pakeer semasa temuduga dijalankan dengannya dipejabatnya.

Sesungguhnya halal menutup keberadaan kali esoktan yang dipelihara dan diberikan Negadarya diketahui sahaja. Sesilahan sesungguhnya perihal anak anak apabila pejabat mendapat tanah yang telah dibelikan Negadaya sepadan dia tidak diberikan dan ia diberi kepada pemohon sahaja. Perihal ini tetapi tetapi tetapi ia seharusnya diberikan

## BAB II

Kepada orang yang tidak punya tanah mereka perlu

Rancangan Kemajuan tanah Lasah adalah seluas 7,800 ekar dan dari luas ini diuntukkan kepada kawasan getah, kawasan dusun, kawasan perkampungan atau perumahan dan kawasan simpanan. Jadual I-I menunjukkan luas kawasan-kawasan tersebut.

Peruntukan untuk kawasan dusun adalah 920 ekar dan kawasan-kawasan ini bertaboran di merata tempat tetapi ia terdapat ditiga kawasan yang besar, iaitu terletak disuatu kawasan perkampungan dengan kawasan getah atau pun kawasan simpanan. Kedudukan kawasan dusun ini dapat dilihat didalam peta dibelakang.

Boleh dikatakan kesemua tanah dusun ini adalah diusahakan dengan ditanam samada ubi kayu, jagong, padi, kacang tanah dan sayor-sayoran lain. Daripada jenis-jenis tanaman ini ubi kayulah yang memenuhi tanah dusun ini.

### Memohon cara langsung dari pejabat Felda tanah

Tanah boleh didapati dengan memohon terus dari pejabat Felda rancangan itu. Permohonan adalah dengan cara bertulis yang mana diserahkan kepada pengurus atau kepada penolong pengurus rancangan. Luas kawasan yang dipohon dan diberi adalah mengikut agak-agak sahaja dan tempatnya pun adalah mengikut pilehan peneroka sendiri asalkan ditempat yang dipilih itu maseh ada tempat kosong yang boleh ditanam.

Seseorang peneroka boleh memohon beberapa kali asalkan tanah yang dipohon dan diberikan kepadanya dikerjakannya. Pemilehan seseorang pemohon akan tamat apabila pejabat mendapati tanah yang telah diberikan kepada seseorang itu tidak diusahakan dan ia diberi kepada permohonan lain. Peraturan ini bukanlah tetap tetapi ia selalu diamalkan.

Namun begitu ada juga kekecualian. Ini bergantong kepada seseorang itu, kalau ia bersahabat baik dengan kakitangan pejabat maka ia mendapat keistimewaan yang agak baik dari orang lain, tanahnya tidak diberikan kepada orang lain walau pun ia tidak mengerjakannya.

Biasanya tanah yang dipohon cara langsung dari pejabat ini adalah tidak luas diantara 1 ekar hingga 3 ekar sahaja. Tetapi ada juga peneroka yang mendapat hingga 10 ekar lebih.

Sebenarnya seperti yang telah disebutkan didalam bab I bahawa tanah dusun ini adalah hanya peneroka sahaja berhak menikmati atau menggunakaninya. Luasnya bagi seseorang adalah 2 ekar dimana tiap-tiap peneroka mempunyai hak. Oleh kerana Rancangan Kemajuan Tanah Lasah ini tanah dusunnya maseh tidak ditanam dengan apa-apa pun seperti ditanam luar dirancangan kemajuan tanah lain yang ditanam dengan kelapa sawit, getah dan ia diberi kepada tiap-tiap peneroka untuk dijagai dan seterusnya untuk mengerjakannya sehingga mendapat hasil apabila pokok-pokok kelapa sawit atau getah itu berumur 2 tahun. Segala pembiayaan peah lembaga keatas mengerjakan tanah dusun seperti ini adalah dikira sebagai hutang peneroka yang dicampurkan kepada hutang pokok iaitu hutang rumah dan lot getah ataupun kelapa sawit.

Peah Rancangan Kemajuan Tanah Lasah berpendapat bahawa tanah dusun kawasan ini akan terbiar begitu sahaja kerana usaha untuk ditanam dengan kelapa sawit atau getah adalah lambat lagi. Jadi oleh itu eloklah tanah ini diberi kepada peneroka untuk ditanam dengan tanam-tanaman. Ini memberi beberapa kebaikan iaitu tanah dusun ini biasanya ditumbuhki oleh lalang dan oleh kerana tanah ini adalah kebanyakannya berhampiran dengan kawasan getah, jadi kalau ianya tidak diusahakan lalang-lalang ini akan membiak dan tumbuh melewati kekawasan getah. Ini memberi kesulitan kepada peneroka kerana terpaksa bekerja lebih untuk membersehkan lalang-lalang dan rumput-rumput ini.

Disamping pehak peneroka yang mengerjakan tanah itu akan dapat menambahkan pendapatannya dari hasil tanamannya itu. Pendapatannya makin tinggi apabila dicampur dengan pendapatan dari hasil pekerjaan utamanya. Ini akan membaikan lagi kehidupan peneroka-peneroka.

#### Mendapatkan tanah dengan menggunakan peneroka

Kawasan tanah dusun Rancangan Kemajuan Tanah Lasah ini yang seluas 920 ekar yang hampir keselurohannya dikerjakan itu bukanlah semuanya dikerjakan oleh peneroka-peneroka. Malah peneroka-peneroka adalah mewakili lebih kurang 1/3 saja tanah yang ditanami. Tanah yang 2/3 lagi itu adalah dikerjakan dan ditanami oleh orang-orang luar yang berhampiran dengan Kawasan Rancangan Kemajuan Tanah Lasah ini. Orang-orang luar ini ialah orang-orang kampong yang berhampiran iaitu kampong Pulau Mentimun, Kg. Troser, Kampong Temin, Sg. Siput(U) dan lain-lain. Mereka mengerjakan tanah ini dengan menggunakan peneroka-peneroka. Mereka mempunyai kenalan-kenalan di Rancangan Kemajuan Tanah Lasah dan berunding dengan peneroka-peneroka yang tidak mengerjakan tanah dusun supaya memohon tanah dari Pejabat Rancangan Kemajuan Tanah Lasah. Kemudian tanah yang dipohon diatas nama peneroka itu diberi untuk dikerjakan kepada orang luar tadi. Sebagai membala jasa atau pertolongan yang diberi oleh peneroka-peneroka kepada orang luar ini maka ia mendapat ganjaran dalam bentuk wang iaitu sebanyak biasanya \$30/- bagi seekar<sup>1</sup>. Bayaran ini adalah tidak tetap kadang-kadang lebih tinggi dan kadang-kadang lebih rendah dari harga di atas. Ini bergantung kepada kemampuan orang luar tadi.

Biasanya tanah-tanah yang dikerjakan oleh orang-orang luar ini adalah lebih luas dari yang dikerjakan oleh penereka sendiri. Ini kerana

---

<sup>1</sup> Temuduga dengan peneroka yang mengusahakan tanah dusun.

orang-orang luar mendapatkan tanah-tanah itu melalui development peneroka. Kalau seorang peneroka memohon 2 ekar dan kalau 10 peneroka sudah 20 ekar. Ada yang sampai 40 ekar. Orang luar yang mengerjakan tanah yang luas ini adalah biasanya kaya-kaya, terdiri dari taukeh-taukeh di Sungai Siput. Orang-orang luar yang mendapat tanah melalui peneroka ini dengan tujuan untuk menambahkan pendapatan dari peluang ini. Sementelahan pula ini bersesuaian dengan dasar Felda yang tidak mahu tanah itu semak ditumbuhinya oleh lalang-lalang, rumput-rumput dan pokok-pokok kerana ini akan memberi kesan kepada ladang getah.

Perbuatan peneroka memberikan tanah yang dipohonnya kepada pejabat adalah disebabkan mereka sendiri tidak mampu untuk mengerjakan tanah itu. Jadi dengan berbuat demikian maka bukan saja ia dapat wang tapi malah lebih dari itu. Hubungan mereka dengan orang-orang luar makin bertambah baik. Ini menjamin lagi kedudukan peneroka. Mereka akan mendapat faedah dalam berbagai aspek sosial dan ekonomi, dari segi sosial mereka akan terselamat apabila berada atau berjalan di Sungai Siput kerana sudah banyak kenalan dan mereka-mereka ini akan dijemput keperayaan kenduri kahwin dan sebagainya dari kampong-kampong berdekatan. Dan segi ekonomi mereka akan mendapat pertolongan dari taukeh-taukeh seperti menjaminkan kepada kedai-kedai barangan seperti kedai radio atau motosikal supaya peneroka-peneroka boleh berhutang. Juga peneroka kadang-kadang memohon penjamin dan mereka ini didalam masa mereka sesak seperti dihujung tahun dimana wang yang lebih perlu untuk membeli buku anak-anak atau pun dimasa-masa kemalangan seperti kematian, sakit dan sebagainya.

#### Mendapatkan tanah melalui pengurus

Pengurus Rancangan Keimajuan Tanah Lasah ini waktu lapangnya sebelah petangnya kalau ia tidak duduk dirumah adalah pergi ke Sungai Siput untuk mendapatkan barang-barang dan lain-lain keperluannya. Beliau

adalah dihormati dan dengan ini ia mendapat kawan-kawan taukeh di Sungai Siput. Melalui beliau juga tanah-tanah dusun ini didapati oleh orang-orang luar ini biasanya orang-orang yang berada seperti taukeh-taukeh yang punyai kedai-kedai yang besar di Sungai Siput. Dengan membenarkan mereka-mereka ini mengerjakan tanah ini ganjaran didapati oleh pengurus ini samada dalam bentuk wang atau pun hadiah.

Tanah-tanah yang dikerjakan oleh orang-orang luar ini adalah luas dan dikerjakan cara besar-besaran dimana pengerajan tanah itu berasaskan upahan kepada orang lain samada orang luar atau pun peneroka-peneroka dirancangan ini dan juga menggunakan traktur sendiri dan juga lori. Tanah-tanah yang mereka kerjakan inilah yang subor sekali dan mengeluarkan hasil yang baik dan tinggi. Ini disebabkan jagaan dan baja yang cukup diberikan kepada tanam-tanaman mereka.

Perbuatan memberikan tanah ini kepada orang-orang luar oleh peneroka dan pengurus adalah salah dan berlawanan dengan dasar Felda. Orang-orang luar ini boleh diarahkan supaya memberhentikan dari menanam 'cash crop' ditanah dusun ini bila-bila masa sahaja yang dikehendaki oleh pehak Felda. Disamping mendapatkan tanah dengan cara-cara yang disebutkan orang-orang luar juga menggunakan tanah dusun Felda ini cara haram tanpa mendapat kebenaran dari mana-mana pehak.

#### Usaha-usaha diatas tanah dusun

Tanah dusun Felda Lasah ini adalah berlainan dari tanah dusun Felda tempat-tempat lain. Ini kerana tanah dusun di Felda lain adalah ditanam dengan samada getah atau kelapa sawit. Kemudian apabila telah besar pokok-pokok ini ia diserahkan kepada peneroka-peneroka untuk menjaganya sehingga hasil dapat dikeluarkan. Pemberian ini adalah dua ekar tiap-tiap seorang. Di Felda Lasah tanah dusun adalah tidak diusahakan oleh lembaga sebagaimana yang telah diusahakan oleh rancangan Felda lain.

Jadi tanah dusun disini adalah terbiar dan ia terpulang kepada peneroka-peneroka untuk mengerjakan tanah-tanah itu. Seperti telah diterangkan bahawa peneroka-peneroka berusaha mendapatkan tanah dengan berbagai-bagai cara untuk dikerjakan dengan berbagai tanaman.

a. Jenis-jenis tanaman

Tanam-tanaman yang ditanam ditanah dusun ini adalah seperti ubi kayu, jagong, kacang tanah, padi, pisang dan lain-lain tanaman. Dari beberapa jenis tanam-tanaman diatas ubi kayu iah yang paling digemari ditanam oleh peneroka. Daripada jadual II-II dibawah dapat dilihat bahawa 78.1% daripada respondent menanam ubi kayu.

JADUAL II-I

JENIS TANAMAN

Jenis tanaman	Bilangan	%
Jagong	5	7.1
Ubi Kayu	55	78.1
Padi	3	4.26
Kacang tanah	4	5.7
lain-lain	3	4.26
	70	100.00

Tanaman-tanaman ini diusahakan cara kecil-kecilan. Ini ber-gantung kepada kemampuan peneroka. Kalau peneroka mempunyai modal yang banyak, mempunyai tenaga buruh yang banyak seperti dari anak-anaknya maka tanah yang dikerjakan adalah luas tapi kebanyakannya adalah dilingkungan 3 ekar. Daripada jadual II-II dibawah dapat dilihat bahawa keluasan tanah ubi yang dikerjakan adalah kecil. Keluasannya lebih 50% daripada peneroka adalah menanam ubi kayu dikawasan yang luasnya kurang dari 3 ekar.

Hanya beberapa orang sahaja yang menanam lebih dari 3 ekar, ada juga yang menanam hingga keluas 19 ekar lebih.

Oleh kerana penanaman ubi kayu diusahakan oleh peneroka dan anak-anak mereka maka ianya dilakukan waktu petang selepas menores atau waktu lain dimana tidak pergi menores kerana hujan atau pun waktu daun getah luruh.

#### JADUAL II-II

##### KELUASAN TANAH DUSUN YANG DIGUNAKAN OLEH PENEROKA

Luas tanah 1 ekar	Bil. Orang	%
3 ke bawah	30	50.5
3 - 5	5	9.1
5 - 7	7	12.7
7 - 9	6	10.1
9 - 11	-	-
11 - 13	1	1.08
13 - 15	3	5.04
15 - 17	1	1.08
17 - 19	-	-
19 ke atas	2	3.06
<b>Jumlah</b>	<b>55</b>	<b>100.00</b>

Jadi oleh kerana waktu yang terhad dan tenaga buruh yang sedikit, ditambah pula dengan modal yang kecil maka penanaman ini adalah dilakukan berperengkat-perengkat. Musalnya kalau seseorang peneroka menanam ubi 7 ekar luasnya ia akan menanam ubi itu beransor-ansor seperti seekar pada mulanya kemudian diikuti pula oleh seekar atau lebih hingga-lah kakeluasan 7 ekar. Kadang-kadang penanaman ini dilakukan 5 atau 6 peringkat.

Pembersehan tanah dilakukan dengan menggunakan traktor lembaga atau pun traktor seorang Cina Sungai Siput yang sengaja ditempatkan di Felda Lasah untuk mengambil upah mencangkul tanah dusun ini. Bagi traktor lembaga upahnya adalah murah iaitu dengan membayar kepada pemandu trektor itu. Pehak lembaga tidak mengenakan apa-apa bayaran. Bayaran kepada pemandu trektor ini adalah tidak tentu mengikut kemampuan peneroka. Bagi peneroka yang hendak menggunakan trektor itu hendaklah memohon kepada pejabat dan kalau trektor masa itu tiada digunakan dan pemandunya tiada membuat apa-apa maka bolehlah digunakan untuk mencangkul tanah peneroka. Untuk mendapatkan tanah dibersehkan adalah memakan masa yang lama. Ini kerana kadang-kadang pemandu itu ada hal waktu lapang dan ia juga bergantung kepada tanah siapa yang hendak dikerjakan itu. Kalau tanah sahabat karibnya maka dengan segera sahaja ia mengerjakan dan kadang-kadang didahulukan dari tanah-tanah orang lain yang terlebih awal memintanya membersehkan.

Ada juga tanah dusun ini dikerjakan oleh pegawai-pegawai Polis dirancangan itu. Mereka ini mengerjakan adalah dengan mengupah peneroka untuk mengerjakan tanah itu atau pun berkongsi dengan peneroka. Mereka ini untuk mendapatkan trektor adalah mudah sebab mereka yang berkuasa keatas trektor itu, tanah mereka akan didahulukan.

Seperti yang telah disebutkan diatas tadi bahawa ada trektor yang sengaja didatangkan dari Sungai Siput yang dipunyai oleh Cina untuk mengambil upah mencangkul tanah dusun. Upah ini ada tergulung kepada 2 jenis, jenis yang pertama ialah upah kira kontrek iaitu \$70/- bagi satu ekar. Biasanya tiga kali cangkul sehingga tanah itu gembur dan yang satu lagi ialah mencangkul kira jam iaitu biasanya \$7/- sejam. Trektor ini sentiasa berada dirancangan ini, ia ditumpangkan dirumah peneroka. Jadi dengan ini adalah senang untuk mendapatkan perkhidmatannya.

Bagi beneh-beneh ubi iaitu batang-batang ubi adalah didapati dari tanah-tanah jiran. Ini samada percuma atau pun kalau dibayar adalah dengan bayaran yang murah.

#### Faktor-faktor yang menggalakkan

##### a) Faktor persekitaran (environment)

Felda Lasah ini adalah seperti yang telah diterangkan dibab-bab yang lepas adalah satu kawasan yang berhampiran dengan Sungai Siput dan kampong-kampong lain. Kawasan Sungai Siput adalah kawasan yang banyak sekali ditanam dengan ubi kayu (mengikut keterangan Pejabat Pertanian Perak, Ipoh). Peneroka-peneroka, untuk pergi ke Sungai Siput adalah terpaksa melalui kawasan ubi kayu yang terdapat di sepanjang jalan dari rancangan ke Sungai Siput. Dengan cara tidak langsung keadaan persekitaran ini memberi pelajaran kepada peneroka-peneroka.

Penanaman ubi kayu dikawasan sekitar Sungai Siput ini adalah dijalankan oleh orang-orang Cina dan juga orang-orang Melayu dibeberapa buah kampong dekat dengan rancangan Lasah. Penanaman ubi kayu ini dijalankan berterusan iaitu selepas ubi kayu itu digali dan dijual maka tanah ini akan ditrektor semula dan ditanam semula dengan ubi. Penanaman ubi ini dijalankan dengan cara sambilan sahaja yaini kehidupan mereka bukan bergantung semata-mata kepada pendapatan dari penjualan ubi. Walau pun begitu pendapatan dari penanaman ubi adalah mendatangkan hasil yang tinggi kepada mereka.

##### b) Faktor pengalaman

Kebanyakan peneroka adalah berasal dari kampong-kampong berhampiran dengan rancangan ini disamping tempat lain dalam Negeri Perak (Bab I). Mereka ini sebelum memasuki rancangan ini adalah mempunyai pekerjaan asal yang berkait dengan pertanian dan ada yang kerjanya menanam ubi waktu dikampung dulu. Mereka ini bertungkus-lumus

semasa dikampung menanam ubi ditanah-tanah sendiri, saudara-mara atau pun tanah 'reserved' kerajaan. Tabiat dan sikap bekerja itu tidak hilang atau berkurangan malah bertambah kuat dimasa berada dirancangan sehingga mereka tidak langsung buang masa langsung dengan tiada beri apa-apa faedah. Jadi dengan sikap beginilah maka mereka tidak lepaskan peluang yang berada dihadapan mereka dan menggunakan tanah dusun ini untuk ditanam dengan berbagai-bagai tanaman.

### c) Faktor masa

Peneroka-peneroka dirancangan Lasah ini dan ditempat-tempat lain yang tanaman utama adalah getah, terutama apabila getah telah ditores menumpukan perhatian kepada kerja mereka adalah sepanjang hari sahaja iaitu dari pukul 6.00 pagi hingga pukul 12.30 tengahari, dari mula turun dari rumah pergi ke lot untuk menores hingga susu getah itu dibawa balek ke setor untuk ditimbang dan diserahkan kepada pehak pejabat rancangan. Waktu selepas ini mereka punya masa lapang dan tidak membuat apa-apa. Jadi masa yang banyak ini telah mendorongkan mereka untuk membuat sesuatu kerja sebelah petang, duduk dirumah tiap-tiap hari lepas kerja juga adalah membosankan.

Pokok-pokok getah ini tiap-tiap tahun dalam masa hampir-hampir 3 bulan akan gugur daunnya. Waktu ini ialah didalam bulan Februari hingga April dimana pokok-pokok getah itu tidak mengeluarkan susu yang banyak sebagaimana waktu lain dimana mempunyai daun. Oleh kerana daun-daun tiada pancaran metahari adalah kuat dan tidak dihalangi oleh apa-apa terus kepangkal-pangkal pokok getah. Dalam keadaan ini susu yang ditores akan beku sebelum ianya sempat mengalir ke pot-pot yang disediakan untuk mengumpul getah itu. Oleh itu kutipan susu sangat berkurangan dan setengah-tengah peneroka mengambil langkah tidak pergi menores dalam masa daun getah luruh ini.

Untuk mengisi masa lapang yang begitu banyak mereka menanam ubi diwaktu ini. Semasa mereka menores mereka dibenarkan mengambil barang-barang makanan oleh Lembaga dikedai Syarikat Lembaga berjumlah \$80/- dan jumlah ini ditolak dari pendapatan toresan bagi bulan itu. Waktu tidak menores mereka tidak dibenarkan mengambil barang-barang. Untuk mengatasi perbelanjaan hari-hari mereka menggunakan tabongan mereka. Lagi pun biasanya waktu ini peneroka-peneroka yang sengaja tidak mahu menores getah adalah mereka yang telah mempunyai beberapa keping tanah dusun yang ditanam dengan ubi dan juga biasanya masa inilah mereka menggali ubi-ubi mereka yang ditanam tahun lepas, waktu daun getah luruh juga. Selepas ubi itu digali tanah itu akan digemburkan semula dan ditanam kembali dengan ubi.

d) Faktor dasar pehak berkenaan

Pehak Felda menggalakkan usaha-usaha ditanah dusun ini, seperti apa yang terkandung dalam dasar dan objektif di Bab I. Pehak Pejabat rancangan memberi sokongan dengan memberikan trektor untuk mencangkul tanah dusun peneroka-peneroka yang hendak ditanam. Pejabat Pertanian Perak juga telah memberikan sumbangan yang besar dalam menggalakkan peneroka-peneroka untuk menanam ubi kayu, jagong, kacang tanah atau padi dengan memberi bantuan seperti baja, racun dan tunjuk-ajarn mengenai cara-cara pertanian yang simpel dengan memberi ceramah dan risalah-risalah kepada peneroka-peneroka. Ceramah-ceramah diadakan didewan orang ramai, disekolah dan risalah-risalah diberi kepada peneroka melalui pejabat rancangan.

Peranan pengurus dan kakitangan pentadbir rancangan juga telah menggalakkan peneroka-peneroka untuk menggunakan tanah dusun. Pengurus telah memberi perangsang kepada peneroka didalam ucapan-ucapannya di-mesyuarat-mesyuarat yang diadakan dirancangan dan juga dihari Jumaat selepas sembahyang Jumaat. Kakitangan lain juga tidak kurang peranan

dan memberi jalan dan galakkan kepada peneroka secara langsung dan tidak langsung dengan cara perbualan dengan peneroka dimasa-masa kenduri kahwin atau kenduri arwah atau dipejabat dan juga dirumaj-rumah mereka atau di rumah-rumah peneroka dimana mereka saling-saling melawat-lawati antara satu sama lain. Ini kerana hubungan yang terjalin antara mereka dengan peneroka adalah baik disebabkan mereka telah berkhidmat dirancangan itu begitu lama.

e) Faktor Saikoloji

Peneroka-peneroka yang telah menjalankan penanaman ubi kayu, padi, kacang tanah, pisang dan lain-lain menggunakan hasil dari usaha ini untuk membaiki kehidupan mereka seperti membeli motosikal yang sangat penting bagi kemudahan pengangkutan peneroka, membesarakan rumah yang diperuntukkan oleh lembaga kepada mereka. Ini untuk meluaskan ruang rumah yang kecil yang tidak selesa bagi keluarga yang besar. Juga mereka menggunakan hasil pendapatan kerja tanah dusun ini untuk membeli perkakas-perkakas rumah seperti kerusi-meja, pinggan-mangkok, almari, radio dan sebagainya.

Sikap ingin membaiki keadaan hidup ini telah menguatkan lagi semangat peneroka untuk berusaha. Peneroka berpendapat masa dikampung mereka susah dan berazam akan membaiki keadaan hidup mereka apabila memasuki rancangan. Dikampung dulu mereka susah dan bekerja kuat dan tabiat ini telah sebat dengan jiwa mereka dan tidak puashati dengan bersenang-senang selepas menores getah setelah pagi.

Kaum-kaum wanita dirancangan ini, terutama setelah getah di-tores dan pendapatan tinggi adalah sentiasa mempunyai perasaan ingin tahu apa yang dilakukan oleh jiran-jiran mereka dan mempunyai perasaan iri-hati terhadap apa-apa yang dibeli oleh jiran-jiran dan juga ingin untuk menandingi jiran mereka dan ingin membeli segala benda-benda yang diirihatikan oleh mereka itu. Mereka meminta suami mereka supaya membeli

barang-barang yang dibeli oleh jiran-jiran mereka yang mereka tahu telah membuat kerja-kerja sambilan disamping kerja-kerja harian - menores.

Dengan kesedaran dan perasaan ingin mendapatkan barang-barang ini serta desakan dari isteri-isteri telah membuatkan mereka menceburkan diri dalam usaha itu.

f) Faktor Sosial

Sahabat-sahabat peneroka yang telah melibatkan diri dalam kerja tanah dusun ini telah memberi galakkan dengan cara langsung dengan menasehati dan memberi bantuan wang kepada rakan-rakan supaya menanam ubi ditanah dusun dan menasehati dan memberi gambaran keuntungan dan langkah-langkah yang perlu dalam menuju kearah pemberian keadaan hidup mereka.

Seperti yang telah disebutkan di bab yang terawal bahawa pendapatan peneroka dari kerja-kerja menores adalah sederhana dalam kontek masyarakat Melayu kampung. Daripada jadual I-VII purata kira-kira bagi pendapatan adalah \$190.34 sebulan. Jumlah ini sekadar mencukupi untuk mengatasi atau menampungi perbelanjaan kehidupan hari-hari, makan-minum, pakaian dan sebagainya, dan tiada baki untuk membuat perbelanjaan besar, kalau ada baki pun adalah kecil.

Mereka yang berjaya mengatasi perbelanjaan besar - membesarakan rumah, peralatan rumah, motosikal dan lain-lain kalau tidak menjalankan usaha tanah dusun atau kerja sambilan yang lain adalah mereka mendapatkan wang dengan simpanan dari penjualan harta-harta dikampung atau pun dari simpanan yang mereka lakukan beberapa lama. Dari pemerhatian saya orang-orang yang telah lama terlibat dengan tanah dusun ini keadaan hidup mereka lebuh baik dari orang-orang yang tidak berbuat demikian.

Dengan keadaan ini dengan cara perlahan-lahan peneroka-peneroka yang tiada menjalankan usaha ini akan berbuat demikian sementelahan pula banyak tanah-tanah 'reserve' untuk dusun yang maseh belum diusahakan.

Apa yang jadi faktor utama ialah perasaan irihati terhadap kaum Cina yang telah menanam ubi di kawasan itu dengan luasnya. Juga mereka berasa malu terhadap sikap mata-mata dirancangan itu yang telah menggunakan masa lapang dengan menanam ubi kayu. Begitu juga dengan pegawai-pegawai luar lembaga yang turut serta melibatkan diri dalam aspek ini. Jadi peneroka merasai kalau mereka yang berpendapatan tetap dan tinggi pun mahu juga tambahkan pendapatan dan berkerja kuat, inikan pula mereka yang berpendapatan rendah dan tidak tetap.

#### g) Faktor ekonomi

Peneroka-peneroka punya tabongan yang mencukupi untuk membiayai penanaman ubi ini. Sebenarnya ubi ini modalnya adalah pada minimanya kalau tidak ditahur baja, racun serangga dan rumput adalah \$70/-. (Hampir-hampir kesemua dusun ubi peneroka Melayu dirancangan adalah tidak dibajai, diracuni dengan racun rumput-rampai dan serangga kerana kekurangan modal).

Pemasaran juga adalah faktor yang tidak kurang pentingnya dalam menggalakkan kearah penglibatan keatas tanah dusun ini. Pemasaran adalah baik, pembeli-pembeli adalah banyak dan mereka ini juga biasa memberi modal kepada peneroka untuk penanaman ubi. Dengan ramainya pembeli-pembeli meninggikan harga atau sekurang-kurangnya tidak turun hingga tingkat yang paling rendah. (Ini akan dibincangkan di bab III).

Pendapatan dari tanaman ubi ini adalah tinggi dengan modal dan tenaga serta masa yang relatifnya rendah. Ini setelah dilihat modal masa, tenaga dan pendapatan darinya. Berkenaan ini akan dibincangkan di bab IV nanti.

#### Faktor-faktor yang menghalang

Seperti yang diberikan dalam Bab I bahawa hanya sebahagian kecil sahaja peneroka yang terlibat dalam tanah dusun ini. Jadi eloklah dilihat mengapa sebahagian besar peneroka yang tidak mahu berusaha diatas

tanah ini. Sebab-sebabnya adalah

a) Saikoloji

Kebanyakan peneroka yang diterima untuk menyertai rancangan ini adalah terdiri dari gulungan muda iaitu didalam lingkungan 30 tahun hingga 40 tahun tetapi ada juga gulungan tua. Gulungan tua ini kebanyakannya mempunyai sikap telah tua, tidak bertenaga dan tidak berapa lama lagi hayat didunia ini. Mereka bersikap apalah gunanya berkerja kuat cukuplah setakat apa yang ada, lagi pun kehidupan mereka adalah telah bertambah baik dari keadaan dikampung dulu. Daripada Jadual I-V pendapatan dikampung, purata kira-kira (Mean) pendapatan adalah \$89.61 dan setelah memasuki rancangan pendapatan seperti digambarkan oleh Jadual I-IIX adalah bertambah tinggi iaitu purata kira-kira adalah \$190.34 sebulan. Mereka ini juga bersikap tidak mahu menurut apa yang dianjurkan oleh pehak pejabat dan mempunyai sikap dingin terhadap apa yang dilakukan oleh orang lain tidak juga boleh dinafikan. Ada juga golongan peneroka muda yang bersikap demikian. Mereka juga berpendapat tidak payah kerja ditanah dusun juga boleh dapat wang lebih iaitu dengan penyelewengan iaitu membekukan susu getah untuk dijadikan sekerap dan dijual. Aktibiti ini adalah dilakukan cara diam dan berlawanan dengan dasar Felda. Mereka boleh mendapat bagi satu lot getah yang ditores dan tidak dikutip susunya adalah 3 pikul atau 4 pikul dan bernilai kira-kira \$100, tertakluk kepada harga sekerap dipasaran,. Penyelewengan ini adalah kebanyakannya dilakukan oleh golongan peneroka-peneroka muda.

b) Faktor Sosial

Kerja tanaman ubi di Lasah ini adalah berasaskan kepada individu-individu tidak ada usaha-usaha ini diselaraskan dibawah satu organisasi yang tersusun baik. Segala kerja-kerja dari mula-mula menanam hingga penghasilan adalah dilakukan sendiri oleh peneroka, tiada usaha-usaha gotong dilakukan. Dengan tiadanya institusi dan organisasi ini

maka ia kurang mendorong peneroka untuk bekerja didusun hanya peneroka yang punya sikap optimistik dan 'initiative' sahaja yang berbuat demikian.

c) Adat dan Cara hidup

pas. 372

Orang-orang Melayu maseh adalagi yang bersikap 'defeatist' yang sentiasa berserah kepada Tuhan. Apa-apa yang akan berlaku kepada kehidupan mereka pada masa akan datang adalah terserah kepada takdir. Adat yang terdapat dikalangan orang-orang Melayu mengujukan nilai dikalangan orang Melayu yang menghalang mereka maju. Di dalam rancangai ini sikap dan nilai ini maseh kuat dipegang kerana keadaan hidup dimasa ini adalah tidak 'demanding'. Sikap yang berserah kepada takdir dan nilai yang negatif terhadap hidup ini menyebabkan mereka tidak mahu membuat kerja-kerja sambilan. (i.e. tanah dan tanah bukit tanah dan juga untuk membali baju, upah merangut, menanam bagi mereka yang tidak mempunyai pekerjaan itu dengan sendiri). Sang juga diperlukan bagi mencari ubi itu apabila cuaca buruk. Pencairan ubi ini perlu dilakukan dengan segera kerana ubi ini mudah pengangkutan. Jadi ia memerlukan banyak wang untuk pencairannya lebih-lebih lagi bagi mereka yang luas tanahnya. Hal ini dicapai oleh peneroka dari berbagai sumber.

d) Sosai pendidik

Sosai yang telah diterangkan di atas yang lepas behove ada peneroka-peneroka setelah memasuki ranungan telah menjual harta mereka di kampung seperti rumah, tanah dan lain-lain. Wong penjuduan ini digunakan untuk menampung perbaikan sesama penarasan getah belum dilakukan dinana mereka mendapat 589.50 sebulan. Seti dari simpanan ini lah yang digunakan oleh peneroka untuk membayai penanaman ubi kayu dan lain-lain diatas tanah dusun.

Ada peneroka yang menjelaskan kerja lain menjadi buruk kasar

dengan kontaktor pada masa sebelum penanaman dilaksanakan dan hanya setelah penanaman getah ditanam. Wang pendapatan ini adalah disimpan di baki setelah digunakan untuk membayar pengeluaran. Wang juga dari beberapa sumber yang lain belum ditentukan, kecuali dengan menggunakan modal dari orang lain atau bank/bait/pintu-pintu dari seseorang mana. Bab III  
MODAL DAN PEMASARAN

### Modal

Modal adalah satu dari faktur atau punca pengeluaran yang paling penting disamping faktur-faktur pengeluaran yang lain. Didalam menjalankan kerja-kerja sambilan ini terutama yang bersangkutan paut dengan tanah dusun adalah perlukan modal. Tanpa modal kerja penanaman ubi tidak jadi. Modal yang diperlukan agak tinggi juga dan ia diperlukan untuk membayar upah mencangkul dan menggembur tanah dan juga untuk membeli baja, upah merumput, menanam (bagi mereka yang tidak membuat pekerjaan itu dengan sendiri). Wang juga diperlukan bagi mencarub ubi itu apabila cukup umurnya. Pencaruban ubi ini perlu dilakukan dengan segera kerana untuk memudahkan pengangkutan. Jadi ia memerlukan banyak wang untuk mencarubnya lebih-lebih lagi bagi mereka yang luas tanamannya. Modal ini didapati oleh peneroka dari berbagai sumber.

#### a. Modal sendiri

Seperti yang telah diterangkan di bab yang lepas bahawa ada peneroka-peneroka setelah memasuki rancangan telah menjual harta mereka di kampung seperti rumah, tanah dan lain-lain. Wang penjualan ini digunakan untuk menampung perbelanjaan semasa penoresan getah belum dilakukan dimana mereka mendapat \$69.50 sebulan. Baki dari simpanan inilah yang digunakan oleh peneroka untuk membiayai penanaman ubi kayu dan lain-lain diatas tanah dusun.

Ada peneroka yang menjalankan kerja lain menjadi buruh kasar

dengan kontraktor pada masa sebelum penoresan dilakukan dan hingga setelah pokok getah ditores. Wang pendapatan ini adalah disimpan dari baki setelah digunakan untuk menampung kehidupan mereka. Mereka juga dari beberapa tahun yang lalu telah menanam ubi kayu dengan meminjam wang dari orang lain atau bantuan/pinjaman dari saudara mara. Hasil pendapatan ini ditanam semula.

b. Bantuan dari kawan-kawan dan saudara mara

Peneroka setelah memasuki rancangan setelah beberapa lama telah dapat menyesuaikan diri dengan tempat itu dan telah menjalankan hubungan sosial dengan peneroka-peneroka lain dan juga dengan kakitangan Felda dan juga kakitangan kerajaan seperti Polis, Postman, guru-guru dan pekerja-pekerja JKR. Dari mereka mereka inilah peneroka-peneroka mendapatkan bantuan dalam bentuk pinjaman wang. Peneroka-peneroka hanya meminjam kepada orang-orang yang disebutkan diatas yang mempunyai hubungan yang rapat dan mesra sahaja tidak kepada sebarang orang. Pembayaran balik pinjaman ini adalah dibayar beransur-ansur atau pun sekali gus yang dibuat selewat-lewatnya selepas pencaruban ubi dilahirkan. Peneroka-peneroka setelah memasuki rancangan, disamping mengujudkan hubungan dengan orang-orang dirancangan ini tidak memutuskan langsung hubungan dengan keluarga dan sahabat anda di kampung. Malah perasaan sayang itu makin mendalam setelah berjauhan. Peneroka sekali-sekali balik ketempat asal dua tiga hari apabila ada kenduri kendera di kampung, kematian, kemalaingan, hari raya dan lain-lain. Begitu juga mereka yang di kampung datang ke rancangan. Keluarga dan saudara mara ini juga memainkan peranan penting dalam menjayakan usaha peneroka dengan memberi bantuan wang dan moral kepada mereka. Pertolongan dari saudara mara ini adalah lebih baik kerana ianya lebih

bertolak ansur dari bantuan yang didapati dari kawan-kawan dan sahabat handai, kerana obligesi peneroka lebih berat ia itu ia terpaksa menunaikan janji untuk membayar kembali pada masa yang telah dijanjikan dan kalau mereka tidak membayar dalam masa yang ditentukan, mereka akan menerima 'sanction' hilang atau kurang perasaan percaya pada dirinya oleh orang yang memberi hutang dan orang-orang lain.

Saudara mara lebih memahami dan punyai perasaan kasehan belas dan sayang kepada peneroka dan sanction adalah lebih ringan kalau pembayaran kembali tidak dilakukan dalam masa tertentu.

#### c. Berkungsi

Berkungsi juga adalah satu daripada cara bagaimana peneroka dapat menjalankan kerja-kerja ditanah dusun. Perkungsian biasa dilakukan oleh orang yang berpendapatan lebih seperti kakitangan Felda yang memberi wang kepada peneroka yang mempinjam hubungan rapat dengannya untuk menanam ubi dari peneroka cuma mengerjakan penanaman dan menjaga dusun itu. Hasil daripada dusun itu dibahagi sama banyak antara mereka. Perkungsian juga ada berlaku diantara peneroka dengan peneroka dan antara peneroka dengan orang-orang asing seperti saudara mara dikampung, sahabat handai di kampung-kampung yang berhampiran dengan rancangan ini dan juga dari tawkeh dan pekedai China dari Pekan Lintang dan juga Sungai Siput. Dengan cara berkungsi ini merapatkan hubungan antara peneroka dengan orang-orang di atas akan memberi kebaikan kepada peneroka. Peneroka akan senang mendapat bantuan dari orang-orang ini, apabila mendapat kemalangan atau dalam keadaan yang memerlukan sangat pertolongan dan orang-orang ini juga mendapat faedah dari hubungan ini, memudahkan mereka untuk membeli getah sekerap yang dijual oleh peneroka yang menyelewang, membeli hasil-hasil

kegiatan tanah dusun seperti jagong, kacang tanah, ubi kayu dan lain-lain.

Jadual III - I      Modal / Punca Modal

Jumlah wang pendahuluan	Bil	%
Modal Sendiri	39	55.3
Bantuan dari kawan	7	10.0
Bantuan dari keluarga	11	15.6
Kungsi	10	14.2
lain-lain	3	4.3
	70	100.0

Daripada jadual III - I dapat dikutip modal dan punca-punca modal peneroka dalam menanam ubi kayu dan tanaman-tanaman lain samada modal sendiri, bantuan dari kawan atau saudara mara atau pun berkungsi.

Peneroka-peneroka juga mendapat modal dengan meminjam dahulu wang dari pembeli-pembeli ubi kayu yang telah kenal mereka bagitu rapat. Jadi dengan ini mereka terpaksa menjual hasil dusun mereka kepada pembeli yang memberi mereka pinjaman. Mereka tidak bebas untuk menjual kemana sahaja ubi mereka itu. Daripada jadual dibawah dapat dilihat wang pendahuluan yang diberi oleh pembeli-pembeli kepada peneroka untuk dibuat modal.

Daripada jadual ini peneroka-peneroka mengambil wang pendahuluan adalah mengikut keluasan tanahnya. Kalau tanah yang dikerjakan luas sudah tentu modalnya tinggi. Jadi jumlah yang diambil daripada pembeli-pembeli adalah bergantung kepada keluasan dan kepada kemampuan peneroka sendiri (simpanannya) makin luas tanah yang

dikerjakan makin tinggi modal dan begitulah juga dengan jumlah yang diambil dari pembelian juga tinggi. Maka modal dipergunakan. Itu kerana berJadual III - II Jumlah wang pendahuluan untuk modal adalah orang-orang Cina yang tidak berjaya. Itu sebabnya bukannya dapat dengan peraturan.

Jumlah wang pendahuluan	Bil
0 - 50	-
50 - 100	2
100 - 150	4
150 - 200	1
250 - 300	3
350 - 400	8
400 - 450	1
450 - 500	2
<b>Jumlah</b>	<b>21</b>

Penjualan cara ini ia buat zakuan oleh penoreka dengan cara sekali gun. Tambah dua atau tiga dengan ubi dicoruh sekali gun dan cara ini memerlukan tanah yang banyak. Jadi selain daripada penoreka dengan anak isterinya orang-orang lain dipanggil untuk mencoruh ubi itu dan mereka ini diberi upah. Pembeli-pembeli datang ke sana dimana ubi dicoruh dengan keris-kerisnya untuk mengangkat ubi itu ke kilang menggarut minyak. Penjualan cara ini adalah cepat dan menjamin mina dan wang yang didapatnya adalah sekali tidak beransur-ansur. Uang ini wang yang terkumpul itu dapat disimpan atau dibeli barang-barang lain. Penjualan cara ini boleh dilakukan kerana ubi itu enak, kuat atau cukup umurnya secentok. Itu disebabkan oleh penoreka ubi itu dilakukan secara teknik.

Hasil usaha tanah dusun ini adalah mudah dipasarkan. Ini kerana banyak pembeli-pembeli yang mahu membelinya. Pembeli-pembeli adalah orang-orang Cina Sungai Siput. Mereka ini mempunyai hubungan rapat dengan penduduk rancangan kerana mereka telah menjalankan hubungan sejah beberapa lama dengan peneroka melalui penjualan dan pembelian hasil tanah dusun yang mereka lakukan masa-masa lepas. Penjualan adalah dibuat dengan cara ditimbang dan harga bagi satu pikul adalah tidak tentu ia bergantung kepada harga dipasaran tempatan. Harganya adalah diantara \$2/- - \$4.50 sepikul. Masa ubi banyak, harga kurang dan masa kurang harga tinggi. Harga juga adalah bergantung kepada mutu ubi itu, kalau mutu naik harga tinggi dan kalau tidak baik mutunya harga rendah. Penjualan dan pembelian ini dilahirkan banyak cara seperti

a. Menjual sekali gus

Penjualan cara ini ialah dilakukan oleh peneroka dengan cara sekali gus. Tanah dusun yang ditanam dengan ubi dicarub sekali gus dan cara ini memerlukan tenaga yang banyak. Jadi selain daripada peneroka dengan anak isterinya orang-orang lain dipanggil untuk mencarub ubi itu dan mereka ini diberi upah. Pembeli-pembeli datang ke dusun dimana ubi dicarub dengan lori-lorinya untuk mengangkut ubi itu ke kilang menggarut ubinya. Penjualan cara ini adalah cepat dan menjimatkan masa dan wang yang didapati adalah sekali tidak beransur-ansur. Dengan ini wang yang terkumpul itu dapat disimpan atau dibeli barang-barang lain. Penjualan cara ini boleh dilakukan kerana ubi itu cukup tua atau cukup umurnya serentak. Ini disebabkan oleh penanaman ubi itu dilakukan serentak.

b. Penjualan berperingkat-peringkat

Penjualan ini adalah dilakukan beransur-ansur dan sedikit-sedikit. Ini disebabkan peneroka menanam-menanam ubi itu tidak serentak tetapi berperingkat-peringkat. Jadi ubi itu tidak cukup umur dalam masa yang sama. Dengan ini terpaksa dijual mengikut peringkat-peringkat. Penjualan ini adalah dibuat dengan memasukkan ubi-ubi itu didalam guni-guni dan diletakkan ditepi jalan menunggu pembeli yang datang dengan lori dua tiga kali dalam seminggu untuk membeli ubi itu. Ubi itu ditimbang disitu juga dan pembayaran dilakukan disitu juga bagi ubi yang sedikit dan kalau ubi itu banyak pembayaran adalah kemudian dimana peneroka terpaksa mengambil wang itu di rumah pembeli. Dengan penjualan ini wang tidak dapat terkumpul dan biasanya ia habis begitu sahaja tanpa dapat dibuat apa-apa.

c. Penjualan sebelum cukup umur

Selain daripada penjualan cara diatas didapati cara lain juga dilakukan oleh peneroka dalam penjualan ubi itu. Terdapat peneroka yang menjual dusun ubinya sebelum cukup umur atau pun cukup tua. Biasanya ubi ini cukup umurnya dalam masa 11 bulan hingga 14 bulan. Ini bergantung kepada kesuburan tanah dan juga jagaan oleh peneroka. Mereka menjual ubi itu dimasa ubi itu berasia 4 bulan hingga 10 bulan. Pembeli akan mengagak berapa modal yang akan terpaksa dikeluarkan bagi menjaga dan membajai ubi itu disamping harga ubi itu keseluruhannya setinggi cukup umur ubi itu. Kalau ia fikirkan ada keuntungan ia akan menawarkan harga tertentu dan kalau diersetujui maka pembayaran dibuat dan dusun itu dipunyai oleh pembeli dari masa pembelian hingga masa pencaruban ubi itu dilakukan. Penjualan seperti ini dilakukan oleh peneroka disebabkan oleh keadaan yang mendesak yang memerlukan sangat wang sedangkan simpanan tidak dan cuma yang ada ialah ubi sahaja.

Bentuk-bentuk penjualan ini dapat dilihat dalam jadual dibawah

Jadual III - III Cara Penjualan

	Bil	%
Penjualan sekali gus	20	28.4
Penjualan Berperingkat-peringkat	30	42.8
Penjualan Sebelum dicarub	15	21.4
Lain	5	7.1
	<b>70</b>	<b>100.0</b>

Daripada jadual III - III didapati 42.8% dari peneroka adalah menjual cara berperingkat-peringkat.

Peneroka juga boleh mendapatkan wang pendahuluan daripada pembeli-pembeli dengan syarat ia berjanji akan menjual hasil tanamannya kepada pembeli dan biasanya pembeli pergi dahulu melawat atau meminjam dahulu dusun peneroka. Dan setelah ia berpuas hati baharulah ia memberi wang kepada peneroka. Jumlah wang yang diberi adalah mengikut keluasan tanah dusun dan kesuburan tanaman-tanaman itu. Pembeli-pembeli makin dalam hal ini ia boleh mengagih dengan melihat pokok-pokok ubi itu akan hasil yang didapati. Keluasan yang tinggi dan kesuburan yang baik adalah menghasilkan hasil yang tinggi. Pembeli-pembeli terpaksa memberi pendahuluan sebelum penghasilan kerana ini akan dapat mengikut pembeli supaya menjual kepadanya. Ini kerana pembeli-pembeli banyak dan mereka ini bersaing antara satu sama lain. Mereka takut peneroka akan menjual kepada pembeli-pembeli lain kalau mereka tidak memberi pendahuluan.

Peneroka meminta pendahuluan kepada pembeli adalah untuk

mengatasi keperluan perbelanjaan-perbelanjaan seperti yang disebutkan di bab I 'Pendapatan dan Simpanan'. Jadual III - IV dapat dilihat jumlah wang dan bilangan peneroka yang mendapat pendahuluan dari pembeli-pembeli. Disamping tujuan-tujuan untuk mendapatkan pendahuluan yang disebut di Bab I peneroka-peneroka menggunakan wang ini untuk membeli motosikal sebagai wang pendahuluan pembelian cara 'hire purchase' atau pun wang yang dibayar sebagai hutang yang dibayar cara ansuran.

Biasanya pendahuluan diberi oleh pembeli hanya apabila ubi yang itu subur dan berumur 4 bulan keatas kerana sebelum itu ada kemungkinan pokok-pokok ubi itu diserang oleh penyakit dan kemungkinan mati.

Jadual III - IV Pendahuluan Sebelum Penghasilan

adalah 3 atau pun 4 kali ganda dengan pengeluaran dan tenaga

yang dicurahkan kepada "output" suatu tanah. Dalam hal ini bagi juga sebaiknya "output" akan berasang kalau input bertambah.

Jumlah	%	Bil
0 - 50		-
50 - 100		-
100 - 150		-
150 - 200		5
250 - 300		4
350 - 400		7
400 - 450		10
450 - 500		8
<b>Jumlah</b>		<b>34</b>

Dengan kata lain, antara jumlah wang yang membentuk pendahuluan tanah dan sebagaimana itu berusia semestinya dan semoga hingga penghasilan "Output" juga akan rendah. Bagi peneroka-peneroka yang senjaya dengan mencakar dengan baik hasil pengeluaran adalah tinggi dengan "input" yang tinggi juga.

Daripada Jadual XII-7 diperluri jadi bukti dan objek bagi  
ini juga dan ini adalah secara kronik.

#### BAB IV

##### SUMBANGAN USAHA INI KEATAS KEHIDUPAN PENEROKA

Sebelum dapat melihat sumbangan usaha-usaha dusun ini mestilah dilihat modal dan tenaga yang ditumpukan kepadanya. Setelah mendapat gambaran ini barulah dapat diketahui samada usaha ini memberi sumbangan yang besar atau pun pendapatan darinya tidak memadai dengan input yang telah dicurahkan. Pada keseluruhannya usaha ini adalah menguntungkan iaitu 'output' atau pun pengeluaran yang dikaitkan dengan pendapatan adalah 3 atau pun 4 kali ganda dari 'input'. Kalau modal dan tenaga yang dicurahkan banyak maka 'output' sudah tentu tinggi dan begitu juga sebaliknya 'output' akan kurang kalau input rendah.

Oleh kerana ianya usaha sambilan maka pada keseluruhannya luas tanah yang diusahakan adalah kecil. Ada juga peneroka-peneroka yang mengerjakan dengan keluasan yang tinggi tapi bilangan mereka adalah kecil. Daripada jadual II-II Bab II 50% peneroka mengerjakan tanah yang keluasannya adalah 3 ekar kebawah dan hanya 2% sahaja yang mengerjakan dengan keluasan yang lebih daripada 19 ekar.

'Input' dan 'output' adalah berbeda, ini mengikut seseorang peneroka itu. 'Input' adalah termasuk perbelanjaan dan tenaga pembersihan tanah, baja, racun serangga dan racun rumput. Bagi kebanyakan peneroka mereka tidak membajai tanah mereka, tidak menyembur racun rumput. Dengan cara ini input tentulah rendah, mereka hanya membersehkan tanah dan selepas ini terus menanam dan menunggu hingga penghasilan. 'Output' juga akan rendah. Bagi peneroka-peneroka yang menjaga dusun mereka dengan baik hasil pengeluaran adalah tinggi dengan 'input' yang tinggi juga.

Daripada Jadual IV-I didapati jumlah input dan output bagi ubi kayu dan ini adalah secara kasar.

JADUAL IV-I

'INPUT' DAN 'OUTPUT' PENANAMAN  
UBI CARA KASAR

Luas (ekar)	Input \$	Output \$
2	50	150
3	150	250
4	250	350
5	350	450
6	450	550
7	550	650
8	650	750
9	750	850
10	850	950

Input dan output ini tidak tetap ialah kerana beberapa sebab yang disebut diatas. Ini disebabkan penggunaan baja, racun serangga dan rumput. Output tidak tetap kerana ia tertakluk kepada harga pasaran dan jumlah pengeluaran yang bergantung kepada output.

Pokok ubi yang dijaga cukup dengan dibaja, diracun akan menghasilkan kira-kira 300 pikul bagi tiap-tiap ekar dan kira-kira 230 pikul bagi pokok-pokok yang tidak dijagai dengan baik. Harga juga tertakluk kepada harga pasaran antara \$2.50 - \$5.00 sepicul dan juga kepada mutu ubi itu. Kalau mutu tinggi harga akan tinggi daripada mutu ubi yang rendah. Inilah sebabnya output tidak tetap.

Penghasilan usaha tanah dusun ini adalah tinggi. Bagi peneroka inilah cara yang mereka dapati mengumpulkan wang dengan banyak cara sekali

gus. Lagi pun usaha ini bukanlah susah sangat bagi mereka. Seperti yang telah diterangkan di Bab I mereka mengusahakan adalah dimasa lapang dan kerjanya adalah tidak berapa berat. Kecuali dimasa penanaman dan pencarutan ubi itu. Masa-masa lain adalah untuk membersehkan rumput-rumput sahaja dilorong-lorong ubi itu. Kalau dilihat penggunaan masa bagi mengusahakan tanah dusun ini adalah amat sedikit dari masa yang digunakan kepada pekerjaan utama. Daripada Jadual IV-II dibawah dapat dilihat jumlah jam kerja yang dicurahkan keatas usaha tanah dusun - ubi, bagi seorang peneroka yang seluas 3 ekar.

#### JADUAL IV-II

berjumlah \$1,200/- dan modal yang diperlukan adalah \$300/- menunjukkan bahawa yang didapat adalah

**JUMLAH MASA DICURAHKAN KEATAS 3 EKAR  
TANAH DUSUN DALAM 1 TAHUN**

	Jam	Bil. Orang	Bil. Jam
Menanam	15	6	90
Merumput/meracun	20	2	40
Mencarub/mengali	10	10	100
Memuatkan kedalam lori	4	12	48
<b>Jumlah</b>	<b>49</b>	<b>30</b>	<b>278</b>

Jadi dengan ini mereka berpendapat disamping tidak membuang masa dengan tidak berfaedah mereka dapat mengumpulkan wang untuk mengatasi perbelanjaan besar. Kalau hendak mengharapkan wang dari pendapatan utama - toresan getah seperti yang digambarkan oleh Jadual I-IIX adalah sekadar mempunyai lebahan yang sedikit setelah ditolak dengan perbelanjaan-perbelanjaan makanan, pakaian, persekolahan dan lain-lain. Adalah menjadi perkara yang tidak mungkin bagi mereka untuk membesarkan rumah mereka, membeli motosikal, membeli peralatan rumah, membeli kereta dan sebagainya hanya dari pendapatan utama.

Daripada keseluruhan peneroka-peneroka tanaman ubi ini telah banyak memberi pertolongan kepada mereka dalam membaiki kehidupan mereka. Dalam hendak membeli barang-barang yang tinggi harganya peneroka-peneroka berani membeli barang-barang itu dengan cara berhutang dan pembayarannya adalah tidak dikuatirkan kerana wang didapati dari hasil penghasilan ubi kayu tidak seperti mana dimana mereka semata-mata bergantung kepada pekerjaan utama tidak berani membuat hutang<sup>1</sup>.

Daripada usaha tanah dusun ini peneroka telah dapat membesarkan masa yang digunakan kalau dikumpulkan adalah lebih kurang 12 hari sahaja. Pendapatan bagi 3 ekar ubi diatas pada hitong panjang adalah berjumlah \$1,200/- dan modal yang dicurahkan adalah hitong panjang \$300/- memandangkan masa yang digunakan dan pendapatan yang didapati adalah memadai bagi rumah mereka disamping wang dari punca-punca lain.

Jadual IV-II peneroka-peneroka membesarkan rumah mereka dari wang yang datang dari berbagai punca. Punca-punca wang yang banyak sekali adalah dari dusun iaitu 42.8% daripada punca-punca wang lain. Membesarkan rumah adalah menjadi idaman bagi kebanyakan peneroka. Ini kerana rumah yang disediakan oleh Felda adalah kecil sesuai bagi keluarga yang punyai anak-anak yang kecil bilangan. Pada masa permulaan memasuki rancangan adalah mencukupi rumah sebesar itu tetapi setelah beberapa lama bilangan anak telah bertambah dan peralatan rumah juga telah bertambah dan memenuhi beberapa ruangan rumah yang kecil itu. Pada masa mereka mula memasuki rancangan itu perkakas-perkakas rumah tidak banyak cuma perkakas yang perlu sahaja tapi setelah getah

<sup>1</sup> Daripada temuduga.

<sup>2</sup> Termasuk pengadaan barang-barang keperluan.

JADUAL IV-III

PUNCA PERBELANJAAN MEMBESARKAN  
RUMAH

Punca Wang	Bil.	%
Simpanan	5	14.2
Hasil pendapatan projek <sup>2</sup>	4	11.4
Hutang dari keluarga	3	8.6
Hutang dari kawan	2	5.7
Penjualan kereta <sup>3</sup>	6	17.1
Hasil pendapatan dusun	15	42.8
Jumlah	35	100.0

ditors mereka telah beransur-ansur dapat membeli alatan rumah cara berbutang. Bagi mereka usaha tanaman ubi ini adalah memberi sumbangan besar bagi membesarkan rumah.

Peneroka-peneroka juga punya pendapat seperti yang diterangkan di Bab I dibawah milek harta bahawa mereka dirancangan ini adalah menjadi buruh buat selama-lamanya dan mereka bertujuan menyimpan wang untuk membeli tanah dan rumah ditempat asal mereka. Disamping mereka menyimpan wang dari hasil penjualan getah sekerap wang simpanan juga adalah datang dari penjualan ubi. Dengan kerja ubi ini mereka dapat menyimpan dengan banyak dan simpanan yang banyak ini adalah digunakan oleh mereka untuk membeli tanah dikampung asal mereka. Ada juga peneroka-peneroka yang menanam ubi untuk disimpan hasil pendapatan darinya buat

<sup>2</sup> Penjualan getah sekerap dari susu getah yang beku yang tidak dikutip dan dihantar ke Setor.

<sup>3</sup> Termasuk pengadaian barang-barang kemas.

perbelanjaan pergi menaiki haji masa depan<sup>4</sup>. Motosikal seperti yang telah diterangkan di Bab I milek harta banyak peneroka-peneroka telah punyainya dan motosikal ini adalah telah menjadi sesuatu yang mesti bagi peneroka-peneroka memandangkan kepada keadaan geografi Felda Lasah itu. Boleh dikatakan semua peneroka-peneroka yang telah menanam ubi kayu ditanah dusun adalah telah membeli motosikal dengan wang penghasilan ubi disamping punca-punca lain. Jadual IV-III menunjukkan usaha tanaman ubi adalah memberi sumbangan yang besar dalam pembelian motosikal.

#### JADUAL IV-IV

PEMBELIAN MOTOSIKAL SEBANYAK 25 BUAH DALAM  
MASA 6 BULAN DARI BULAN JANUARI HINGGA JUNE 1974

Punca wang	Bil.	%
Simpanan	6	24
Hasil pendapatan projek	1	4
Kutu (loan association) <sup>5</sup>	2	8
Pinjaman dari keluarga*	1	4
Pinjaman dari kawan@	3	12
Pendapatan hasil dari ubi	12	48
Jumlah	25	100.0

<sup>4</sup>Daripada perbualan.

<sup>5</sup>M.G. Swift dalam 'Malay Peasant Society in Jelubu' mendefinaskan kutu ..... a form of loan association ..... a number of men usually between five or ten pay a sum of forthnightly or monthly into a pool which is taken by one of them until all have received a share when it is dissolved.

"Pinjaman dari keluarga dan kawan juga adalah akan dibayar dengan pendapatan dari penjualan ubi nanti."

Disamping motosikal peneroka-peneroka juga menggunakan wang tanaman ubi untuk membeli motokar yang separuh umur untuk keperluan mereka. Seperti didalam Bab I terdapat 11 buah kereta dan 2 buah telah dijadikan kereta sewa.

Wang dari usaha ini juga digunakan untuk perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka yang memerlukan belanja yang tinggi bagi anak-anak mereka yang bersekolah di Sungai Siput dan ditempat lain setelah tamat tingkatan tiga<sup>6</sup>. Mereka juga dapat menggunakan wang dari ini untuk memodali penanaman ini lagi dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Peneroka-peneroka juga merasakan dengan adanya usaha tanah dusun ini ia telah dapat memberi pekerjaan kepada anak-anak mereka yang telah tamat persekolahan dan tidak mempunyai pekerjaan, maseh bergantung kepada ibu bapa. Mereka ini sekurang-kurangnya punyai pekerjaan dan tidak membuang masa tanpa apa-apa pekerjaan. Sekurang-kurangnya usaha ini dapat mengatasi perbelanjaan pakaian dan pekerjaan-pekerjaan lainnya.

Seorang peneroka memberi alasan apabila ditanya mengenai penanaman ubi ini

"nasib baiklah ada tanah dusun ini kalau tidak apa pun tidak dapat dibeli ..... Kalau harapkan getah hendak makan pun ta' cukup"

Jadi disini menunjukkan dusun dirancangan itu telah memberi sumbangan yang amat bererti bagi mereka.

Peneroka-peneroka yang telah melibatkan diri pada tanah dusun ini adalah merasakan mereka akan terus berusaha lagi untuk menanam 'cash

---

<sup>6</sup> Sekolah Menengah dirancangan hanya menyediakan setakat tingkatan tiga sahaja.

crop' sehingga tanah dusun ini diambil alih oleh Felda untuk ditanam dengan tanaman utama dan diperuntukkan kepada peneroka-peneroka.

#### 2.2.2.2. PENGARUH KEBUDAKAN DAN PENEROKA

Dari segi yang telah dikendalikan, sega akan mengalami pengaruh pengaruh dari segi ekonomi dan sosial. Kebudakan ekonomi penkerja berjaya bukan sahaja dengan adanya pelajaran tetapi bagi mereka dimedarkan pelajar juga semakin. Dara pengaruh mereka berjaya dibentangkan dengan pengaruh mereka dikurangkan. Jika dikemaskini kurangnya Lopan juga seharusnya mendapat sega mewujud RM2/- setiap hari. Pendekar ini telah berjaya. Walah pengetahuan mereka telah bertambah kepada pengetahuan RM2/- setiap hari kerja & dia mampu untuk membayar gaji seorang kakitangan rumah tangga. Walah getah mereka.

Dari segi pengaruh sosial mereka telah berjaya dibentangkan bahagian pasca pelajaran. Segas yang belum dilengkap dan ditambah, pasca-pasca seleksi mencakupi ahli polis Lebaga. Pendekar ini, belum sebaik seorang seorang penkerja tetapi juga mengalih dari pengetahuan awam dan sega. Bahagian yang dibentangkan pengetahuan yang berjaya dari pengetahuan ahli polis Lebaga. Pendekar ini belum sebaik seorang seorang penkerja tetapi juga yang berjaya dibentangkan bahagian mereka tidak berlepas dari pengetahuan yang diluluskan oleh orang-orang yang berjaya tersebut. Tetapi ada juga penkerja yang tidak berjaya-jaya seleksi pengaruh pengaruh (bahagian yang bukan). Pengaruh pengaruh ini adalah pengetahuan buka yang diluluskan oleh Lebaga untuk ahli polis yakni. Bahagian yang dibentangkan ketika seorang dan kapiten ini kumpulkan berjaya pengaruh akhirnya pengetahuan ahli polis-polis getah belum dilulus-

## BAB V

driver bukan yang diberikan maklumat berang ini untuk dijual.

### KESIMPULAN DAN PENUTUP

Dari apa yang telah dikemukakan, saya akan membuat penganalisaan lengkap dari segi ekonomi dan sosial. Kedudukan ekonomi peserta rancangan bertambah baik dengan adanya pekerjaan tetap bagi mereka disamping pekerjaan sampingan. Daya pengeluaran mereka bertambah dibandingkan dengan penghidupan semasa dikampung. Jika dikampung mereka bekerja lapan jam sehari untuk mendapatkan wang sebanyak \$90/- sebulan tetapi keadaan ini telah perubah. Malah pendapatan mereka telah pun bertambah kepada purata \$190/- sebulan untuk kerja 6 jam sehari (Kerja utama: menores getah sahaja tidak termasuk kerja-kerja sampingan). Ini bukan semata-mata kerana kecekapan mereka didalam pekerjaan tetapi juga hasil pengawasan yang sempurna keatas pokok-pokok getah mereka.

Dari segi memperoses getah, mereka telah berkurangan didalam beberapa proses pekerjaan. Selepas susu getah dipungut dan ditimbang, proses-proses selanjutnya diuruskan oleh pihak lembaga. Keadaan ini bukan sahaja mengurangkan pekerjaan peserta tetapi juga mengelakan dari pemerasan orang-orang tengah. Sebagaimana dikampung peserta-peserta yang berasal dari penores getah terpaksa menjual getah keping kepada orang tengah dengan harga yang kurang dari harga yang sepatutnya. Sekarang bermakna mereka telah terlepas dari penindasan yang dilakukan oleh orang-orang tengah tersebut. Tetapi ada juga peserta yang tidak bertanggung-jawab melakukan penyelewengan (bilangan yang kecil). Penyelewengan ini adalah penjualan baja yang disediakan oleh Lembaga untuk pokok getah mereka. Sebahagiannya dijual keluar rancangan dan kegiatan ini kerap berlaku diperingkat pengawasan dimana pokok-pokok getah belum ditors.

Penjualan getah sekirap dari bekuan susu getah yang tidak dikutip dan tidak diserahkan kepada lembaga. Bekuan ini dijual di Sungai Siput dan di Lintang. Aktibiti-aktibiti ini berlaku kerana adanya kerjasama dari driver teksi yang sanggup membawa barang ini untuk dijual.

Penyelewengan ini dilakukan cara sembunyi dan ini memberi kesan yang negatif kepada mereka sendiri. Mereka akan menerima pendapatan yang kurang dari mereka yang tidak melakukan perbuatan ini. Penjualan bahan bererti pokok-pokok getah mereka kurang subur dan ini bererti pengeluaran rendah dan bawa kepada pendapatan yang kurang juga.

Disamping pendapatan mereka yang bertambah dari pendapatan mereka dikampung mereka juga telah berusaha untuk menambahkan lagi pendapatan itu dengan membuat kerja-kerja sambilan. Mereka tidak melepaskan peluang ini dan menerima segala anjuran dari pihak Lembaga, tetapi bilangan ini kecil jika dibandingkan dengan bilangan mereka yang besar yang memberi sambutan dingin kepada apa yang dianjurkan. Dengan kata lain mereka yang mempunyai 'motivation' yang tinggi adalah kecil bilangannya dan bilangan yang besar adalah yang punya motivation yang rendah.

Gulongan yang kedua ini disamping menunjukkan sikap yang tidak sehat telah menggalakkan orang-orang luar untuk menikmati kemudahan-kemudahan dan keuntungan yang ditujukan untuk kebaikan mereka. Orang-orang luar telah mengerjakan tanah dusun dirancangan ini. Mereka telah menjadi alat kepada orang luar dan berpuas hati dengan mendapat sedikit ganjaran dari diperalatkan itu.

Dari segi hubongan sosial mereka tidak memutuskan hubongan dengan sahabat-handai dan saudara-mara dikampung setelah meninggalkan kampung untuk menyertai rancangan. Dirancangan mereka telah berjaya menjalinkan hubongan sosial dengan peserta lain dan juga dengan orang-orang luar dari kampung yang berhampiran. Dari hubongan inilah mereka

mendapat segala bentuk pertolongan didalam menempuh hidup mereka.

Aktibiti-aktibiti tanah dusun ini adalah dijalankan atas prinsip individu, tidak ada kerja-kerja yang dijalankan cara gotong-royong dan tidak ada satu organisasi yang berfungsi untuk menyelaraskan aktibiti-aktibiti tanah dusun ini dimana kesemua peneroka diselaraskan aktibiti-aktibiti tanah dusunnya untuk memberikan pengeluaran yang tinggi, harga yang baik, pekerjaan yang mudah dan sebagainya.

Pekerjaan-pekerjaan diatas tanah dusun ini telah memberikan sumbangan yang besar kepada mereka. Pendapatan darinya telah dapat menampung perbelanjaan yang besar yang susah untuk dilakukan kalau hanya berasaskan kepada pendapatan pekerjaan utama. Mereka telah dapat membesarkan rumah-rumah mereka untuk memberikan ruangan rumah yang lebuh bagi keluarga yang bertambah. Alat-alat rumah telah digantikan dengan peralatan yang lebuh baik atau pun diadakan dengan alat yang dulunya tiada. Kemudahan yang perlu telah diadakan untuk menyesuaikan dengan keadaan zaman seperti motosikal yang sangat perlu bagi mereka untuk pergi kerja dan untuk mereka kebandar atau kelain-lain tempat untuk urusan-urusan.

Simpanan-simpanan dapat dilakukan. Hasil-hasil pekerjaan tanah dusun ini dan dari simpanan ini telah membolehkan mereka untuk menyekolahkan anak-anak mereka dengan lebuh sempurna. Dengan menyediakan buku-buku yang diperlukan. Mereka juga, hasil dari pekerjaan tanah dusun ini telah dapat membeli harta seperti membeli tanah dikampung atau di-tempat-tempat yang berdekatan dengan rancangan.

Dengan pendapatan dari usaha ini mereka dapat memodali usaha-usaha penanaman ubi kembali selepas penghasilan atau pun untuk penanaman tanaman lain seperti kacang tanah, jagong dan sebagainya. Mereka merasakan tanah dusun ini telah banyak menolong mereka didalam kehidupan

hari dan ini terbukti makin ramai peneroka-peneroka yang menceburkan diri dalam kegiatan tanah dusun ini.

Dari segi sosial, mereka telah berjaya menjalinkan hubongan yang bersemuka diantara sesama mereka, dengan kakitangan Felda dan polis-polis yang bertugas disitu. Mereka merasakan tidak banyak perbedaan dari perhubungan sosial dengan sewaktu dikampung. Kemudahan-kemudahan dan rumah-rumah adalah dibina berkelompok. Ini menggalakkan hubongan konflik. Seboleh-bolehnya cuba dielakkan oleh mereka. Keadaan persamaan kawasan, pekerjaan dan kepentingan ini telah menjadikan mereka satu komuniti yang punyai hubongan rapat. Hubongan yang beginilah menyebabkan mereka berjaya dalam perjuangan hidup mereka. Peneroka-peneroka yang menyertai rancangan ini adalah dengan tujuan untuk membaiki taraf hidup dengan mendapat pendapatan yang tinggi dan memileki harta. Dengan itu mereka menggunakan segala kemudahan dan peluang untuk menuju kearah yang dicita-citakan.

3.	Kebolehan/ aktiviti	6	"
4.	Milik tanah	5	"
5.	Kalukuan pelajaran	1	"
	matematik	30	"
	sejarah	—	"

Pelajar-lebih-lebih mengambil pengetahuan matematik

A. Umur diantara 18 hingga 35 tahun (beristik)

Umur	Makah
18	5
19	6
20	7
21	8
22	9
23	10

FELDA

SISTEM PEMILEHAN PESERTA

1. Permohonan untuk menjadi peserta didalam rancangan Felda ditapis dengan bersandarkan kepada maklumat/keterangan yang terdapat didalam borang permohonan.

2. Didalam temuduga, untuk menyenangkan pernilaian penyesuaian pemohon-pemohon suatu sistem pembahagian markeh telah dicipta iaitu markah-markah diberi kepada kualiti dan kelayakan yang dipunyai oleh pemohon.

Markah diberi mengenai perkara berikut:-

1.	Umur pemohon	maksima	10 markah
2.	Bil. keluarga	"	5 "
3.	Kebolehan/aktifiti	"	6 "
4.	Milek tanah	"	5 "
5.	Kelulusan pelajaran	_____ maksima	4 _____ 30 "
		_____	—

Butir-butir lanjut mengenai pembahagian markah.

A. Umur diantara 18 hingga 35 tahun (beristeri)

<u>Umur</u>	<u>Markah</u>
18	5
19	6
20	7
21	8
22	9
23	10

<u>B. Umur</u>	<u>Markah</u>
24	10
25	10
26	10
27	9
28	8
29	7
30	6
31	5
32	4
33	3
34	2
35	1

1. 36 sampai 40 diberi 1 markah jika seorang bekas Angkatan Bersenjata.

Mereka yang berumur kurang daripada 18 tahun dan lebeh dari pada 35 tahun ditolak permohonannya. Bagi Bekas perajurit umur dihadkan diantara 18 hingga 40 tahun.

#### B. Bilangan keluarga

<u>Bilangan anak</u>	<u>Markah</u>
5 dan lebeh (atau setiap dengannya)	5
4	4
3	3
2	2
1	1
0	0

C. Kebolehan/Aktibiti Markah

- |    |  |   |
|----|--|---|
| 1. | Aktif dalam kemasyarakatan   | 1 |
| 2. | Pengalaman dalam tanaman getah/kelapa sawit  | 3 |
| 3. | Pengalaman pertanian yang lain (misalnya padi, berkebun, menternak dan lain-lain). | 1 |
| 4. | Kebolehan lain (misalnya bertukang, pekerjaan tangan dan lain-lain).               | 1 |
| 5. | Jumlah   | 6 |

D. Milek Tanah Markah

- |                      |   |
|----------------------|---|
| 0 ekar               | 5 |
| $\frac{1}{2}$ ekar   | 4 |
| 1 ekar               | 3 |
| $1\frac{1}{2}$ ekar  | 2 |
| 2 ekar               | 1 |
| 2 ekar akan ditolak) |   |

E. Kelulusan Pelajaran Markah

- |   |   |
|---|---|
| Sijil Rendah Pelajaran keatas                 | 4 |
| Tingkatan I - III                             | 3 |
| Darjah 1 hingga 6<br>(atau setarap dengannya) | 2 |


Kelas Dewasa 1


11. Jacobs, Robert: Population Development, Environment and Human Condition Study, New York, Frederick A. Praeger Inc., 1966.
12. Johnson, Hall: Sociology, New York, 1962.
13. Soetjiarwingsrat, Kependidikan Desa di Indonesia, Penerbitan, Jakarta, 1964.

Bibliografi

1. Batten, T.R. Training for Community Development, London, Oxford University Press - 1965.
2. Biddle, W.W. The Community Development Process, New York, Holt, Rischart and Winston Inc. 1965.
3. Felda; Laporan Tahunan 1971, Malaysia.
4. Felda; Laporan Tahunan 1969, Malaysia
5. Felda; Laporan Tahunan 1972, Malaysia.
6. Firth, Raymond William & B.S. Yaney (ed) Capital, Saving and Credit in peasant Societies; Studies from Asia, Oceanica, The Caribbean and Middle America, London, G. Allen & Unwin (1964).
7. Firth, R.W. Economics of a Malayan Fishing Industry, (London, Royal Anthropological Institute 1941.
8. Firth, R.W. Malay Fisherman : Theory Peasant Economy, London, K. Paul Trenth Trubner 1949.
9. Fish, E.K; Study in Rural Economic in S.E.A., Eastern University Press (Ltd) Singapore, 1936.
10. Hayes, Samuel P. Jr. Measuring the Result of Development Projects, Michigan 1957.
11. Jacobs Norman; The Sociology Development, Iran as an Asian Case Study, New York, Fredrick A. Fraeger Inc. 1966.
12. Johnson, H.M; Sociology, New York, 1962.
13. Koentjaraningrat, Masyarakat Desa di Indonesia Masa ini, Jakarta, Mei, 1964.

14. Lerner, N. The Passing of Traditional Society (Glencon, Illinois,  
The Free Press, 1958).
15. Swift, Michael Godfrey, Malay Peasant Society in Jelebu (London)  
University of London, The Athlone Press,  
1965.
16. Yeo Beng Poh (ed) Proceeding of Seminar on Malaysian Socio Economic  
Question (U.M. Kuala Lumpur), 1967.





Kedudukan Lasah Didalam Negeri Persekutuan

Rancangan Kemajuan Tanah Lasah  
Menunjukkan Tanah Dusun.

